



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.24 | MAGHRIB 6.04 | ISYAK 7.14

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 128

24 OKTOBER 2022 / 1444

بج الول 28

مانیسش ایمان

"DAN tidak ada satupun makhluk yang melata di bumi
melainkan Allah yang menjamin rezekinya dan mengetahui
tempat menetap dan tempat penyimpanannya.
Semuanya itu tertulis di dalam kitab yang nyata (Luh Mahfuz)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala
dalam Surah Hud, ayat 6.

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

*'Ya Allah, Ya Tuhan kami,
kiranya kami ini sudah
terlanjur mengkufuri
nikmat-Mu dengan
kelakuan-kelakuan kami yang
Engkau tidak redai, maka
Engkau ampunkanlah kami dan
kasihanilah kami dengan
menarik balik wabak
koronavirus daripada negara
kami. Ya Allah mohon supaya
Engkau bersihkan negara kami
ini daripada wabak
sebersih-bersihnya. Amin.
WahsabunAllahu
Wani'malwakeel, Walahaula
Walaa Qowwata Illa Billahil
'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu
Lillahi Rabbil 'Alameen.*

- Tital Perutusan Khas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
pada Selasa, 9 Muhamarram 1443 Hijrah
bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi
di Istana Nurul Iman.

Kewangan cekap melalui pendigitalan ekonomi

Siaran Akhbar :
Kementerian Kewangan
dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Oktober. - Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan APEC (FMM) telah diadakan pada 19 hingga 21 Oktober 2022 di Bangkok, Thailand.

Bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), mesyuarat tersebut dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Menteri Kewangan Thailand, Tuan Yang Terutama Arkhom Termpittayapaaisith dan mesyuarat tersebut juga turut dihadiri oleh Menteri-menteri dari APEC Economies, Pengarah Eksekutif Sekretariat APEC dan perwakilan dari institusi kewangan antarabangsa iaitu International Monetary Fund, World Bank Group, Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD) dan Asian Development Bank.

Semasa mesyuarat tersebut, para Menteri bertukar-tukar pandangan mengenai prospek ekonomi global semasa dan keutamaan dalam APEC Finance Ministers Process (FMP) pada tahun ini iaitu mengenai kewangan mampar dan pendigitalan untuk ekonomi digital dalam sesi retreat dan plenary.

>> Muka 14

BERKENAN MERASMIKAN HAB TENAGA BRUNEI DERMAGA DIRAJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Perasmian Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja. - Foto : Masri Osman.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Perasmian Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, hari ini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Bangunan Lama Kastam dan Eksais Diraja, di ibu negara, di sini, dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

>> Muka 2

Berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita

Oleh : Marlinawaty Hussin

JERUDONG, Sabtu, 22 Oktober. - Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah telah berlangsung pagi tadi di Royal Berkshire Hall, Jerudong.

Berkenan berangkat menyempurnakan majlis berkenaan ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

>> Muka 10

Malam Munajat terus memohon perlindungan Allah

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Oktober. - Malam Munajat terus mengajak orang ramai melipatgandakan amalan sehari dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, berdoa agar rakyat dan

Negara Brunei Darussalam (NBD) sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah yang tidak diingini dan berjaya membendung penularan penyakit merbahaya seperti COVID-19.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan acara lagi Malam Munajat secara maya bagi kali ke-58, baru-baru ini.

>> Muka 13



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @ pelitabrunei @ pelitabrunei

Berita Utama



SEMINAR memperkasa pendidikan
sains sosial, kemasyarakatan

Muka 15



KONGSI pengalaman penyelesaian
pertikaian

Muka 19



LENSA Pelajar

MANTAPKAN pengalaman
murid-murid pendidikan pra

Muka 27

STATUS COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 23 OKTOBER 2022

78.6%

3 dos vaksin COVID-19
penduduk umum

61.7%

3 dos vaksin COVID-19
remaja berumur
12-17 tahun

86.2%

2 dos vaksin COVID-19
kanak-kanak berumur
5-11 tahun

346

Jumlah kes
sembuh 24 jam lalu

232,717

Jumlah kes yang sembah

f Ministry of Health, Brunei Darussalam @mohbrunei www.moh.gov.bn

Berkenan merasmikan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat dan seterusnya menyempurnakan Perasmian Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas dan kanan).

>> Muka 1

Berangkat sama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat



Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan doa yang dipimpin oleh

Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murad.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	RABIULAWAL HARI TIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	ISNIN 28	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
25	SELASA 29	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.24	6.04	7.14
26	RABU 30	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.24	6.03	7.14
27	KHAMIS Rabiulakhir 1	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
28	JUMAAT 2	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
29	SABTU 3	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13
30	AHAD 4	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
31 °C	31 °C	32 °C
24 °C	25 °C	25 °C
Pekan Bangar		
30 °C	32 °C	31 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Pekan Tutong		
30 °C	32 °C	31 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Kuala Belait		
31 °C	32 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Wallahu alam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

SIDANG PENGARANG 24 OKTOBER 2022

Amalan bersedekah pembuka pintu rezeki

REZEKI merupakan antara perkara yang menjadi rahsia Allah Subhanahu Wata'ala dan tidak ada seorang pun di dunia ini yang mengetahui tentang rezeki yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada mereka sama ada banyak ataupun sedikit. Apa yang pasti setiap makhluk yang hidup di atas muka bumi ini telah dijamin rezekinya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Rezeki yang dikurniakan kepada kita itu tidak semestinya berupa wang ringgit bahkan memiliki tubuh badan yang sihat juga adalah rezeki, mempunyai sebuah keluarga yang bahagia, memiliki zuriat, mempunyai tempat berteduh, memiliki sahabat terdiri daripada insan yang berakhlaq mulia juga merupakan rezeki, namun apa yang pasti setiap rezeki yang dikurniakan adalah rahsia daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan setiap makhluk sudah pasti memiliki bahagian rezeki masing-masing.

Dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini ada menekankan bahawa rezeki harta yang kita peroleh bukan hanya digunakan untuk kepentingan diri kita sendiri akan tetapi ia juga boleh juga dimanfaatkan atau diinfakkan ke jalan yang direndah Allah Subhanahu Wata'ala iaitu dengan cara bersedekah, menderma, mengeluarkan zakat, berwakaf dan seumpamanya.

Dalam agama Islam, kita amat digalakkan untuk bersedekah dan bantu-membantu antara satu sama lain. Anjuran membelaikan harta di jalan Allah Subhanahu Wata'ala ada dijelaskan dalam Al-Quran sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Munafiqun, ayat 10, tafsirnya : "Dan belanjakanlah sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada kamu sebelum kematiatan datang kepada salah seorang daripada kamu lalu dia pun berkata : "Ya Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau tangguhkan kematianku hingga beberapa waktu lagi supaya aku dapat bersedekah dan aku termasuk dalam golongan orang-orang soleh".

Di sebalik bersedekah itu mempunyai hikmah yang amat besar antaranya, memperkuatkan iman kerana ia adalah ibadah menjadi sarana pengabdian hamba terhadap Allah Subhanahu Wata'ala dan sedekah dalam Islam menjadi salah satu perintah untuk semua Muslim. Bersedekah yang dilakukan dengan niat ibadah pada Allah Subhanahu Wata'ala akan semakin menguatkan iman kepada-Nya.

Di samping itu, ia juga meningkatkan empati sosial di mana sedekah merupakan proses memberikan apa yang kita miliki baik dari material ataupun bukan material kepada orang yang memerlukan. Sedekah tersebut bukan hanya dilakukan untuk membantu orang lain yang sedang kesusahan namun juga melatih rasa empati kepada orang lain khususnya kepada penerima sedekah tersebut.

Selain itu, bersedekah juga menghindari sikap kikir, yang mana salah satu sifat buruk yang harus dihindari. Kita tidak seharusnya memiliki sifat sombang dengan beranggapan jika yang kita miliki adalah kerana hasil usaha kita saja tanpa menyedari campur tangan Allah Subhanahu Wata'ala dalam hal tersebut. Hal buruk ataupun baik yang terjadi pada diri kita adalah atas kehendak Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, keutamaan bersedekah adalah bagi menjauhkan kita dari sikap kikir.

Oleh yang demikian, dalam kita mencari rezeki itu hendaklah membentulkan niat dan tujuan iaitu untuk menanggung dan mencukupi keperluan diri sendiri dan orang-orang yang berada di bawah tanggungan kita, jika ada rezeki yang lebih maka adalah lebih baik kita bersedekah kepada golongan yang memerlukan. Semoga apa yang kita lakukan ini mendapat reda Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin. - Ketua Penyuntingan (Rd)



>> Muka 2

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurnikan Titah Perasmian disusuli dengan pukulan gong sebanyak tiga kali sebelum dijunjung bagi menandatangani Plak Perasmian Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Sementara itu, sembah penerangan ringkas mengenai sejarah Bangunan Lama Kastam dan Eksais Diraja di Ruang Legar disampaikan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Muzium-Muzium, Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad.

Bangunan Kastam dan Eksais Diraja dibina sekitar tahun 1950-an dan merupakan antara peninggalan seni bina kolonial yang dahulunya menempatkan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Setelah bangunan ini diwartakan di bawah Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam pada tahun 2006, bangunan ini dijadikan sebagai Bangunan Galeri Seni dan menjadi sebahagian dari Kompleks Waterfront dan Tugu Dirgahayu 60 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kebawah DYMM beserta kerabat diraja seterusnya dijunjung berangkat bagi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan Pameran Kekal Brunei Shell Joint Venture (BSJV) di Galeri 1 dan Pameran Kekal BSJV di Galeri 2 (kiri dan atas).

menyaksikan Pameran Kekal Brunei Shell Joint Venture (BSJV) di Galeri 1.

Galeri tersebut bertemakan 'Masa Lalu Kita : Menjejaki Masa', yang memaparkan sejarah dan cara hidup di Negara Brunei Darussalam (NBD) sebelum

penemuan minyak dan gas sehingga penerokaan pertama telaga minyak pada tahun 1899 serta impak penciptaan dan penemuan minyak di rantau ini dan seluruh dunia.

Turut dipamerkan mengenai sejarah NBD dan kehidupan

rakyatnya sebelum kemunculan Industri Minyak dan Gas pada tahun 1929 dan bagaimana industri ini terus menjadi tulang belakang ekonomi NBD hingga ke hari ini.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan mendengar sembah penerangan ketika menyaksikan Pameran Kekal BSJV di Galeri 2 (kiri), manakala gambar kanan dan bawah, Kebawah DYMM dan paduka-paduka anakanda berkenan bergambar ketika mengadakan lawatan ke Galeri 3, 'Masa Hadapan Kita : Pandangan Masa Hadapan Kita' dalam menerokai teknologi baharu ke arah transformasi Industri Minyak dan Gas yang lebih mapan.





KEBAWAH DYMM dan paduka anakanda baginda meneruskan lawatan ke Galeri 3, 'Masa Hadapan Kita : Pandangan Masa Hadapan Kita' (kanan). Manakala gambar atas, baginda berkenan dijunjung berangkat ke ruang Viewing Deck di mana ruang ini menempatkan Telescope menghalia ke Ayer Berkunchi, iaitu tempat penggerudian telaga minyak pertama pada tahun 1899 di kawasan Ayer Berkunchi berdekatan Bandar Brunei.

>> Muka 3

Sembah penerangan mengenai galeri itu disampaikan oleh Pengarah Urusan BSP dan Shell Country Chair di NBD, Agneta Johnsgaard-Lewis dan Pengarah Sumber Tenaga Manusia Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) Sdn. Bhd., Dayang Hajah Zainab M. A. Omar.

Kebawah DYMM beserta kerabat diraja kemudian dijunjung berangkat bagi menyaksikan Pameran Kekal BSJV di Galeri 2.

Sembah penerangan mengenai galeri ini disampaikan oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Brunei LNG Sdn. Bhd., Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib.

Dengan membawakan tema Galeri 'Masa Kini Kita : Hasrat



Negara', galeri ini mempamerkan keadaan Industri Minyak dan Gas pada ketika ini, termasuk sistem dukungan, *value chain* dan rangkaian nilai Industri Minyak dan Gas.

BSP kini merupakan syarikat minyak dan gas terbesar di negara ini, dengan hampir 90 peratus daripada 4,000 pekerja yang terdiri daripada warga tempatan. BSP telah berjaya mempelbagaikan rangkaian kepada syarikat lain seperti Syarikat Brunei LNG

Sdn. Bhd., Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sdn. Bhd. dan Brunei Gas Carriers Sdn. Bhd.

Sebagai Pengasas Hab Tenaga Brunei, keempat-empat buah syarikat ini memainkan peranan penting dalam mengembangkan Sektor Minyak dan Gas hulu dan hilir serta tenaga yang dapat diperbaharui bagi membolehkan NBD terus mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju pasaran dalam industri ini.

Sejurus selepas itu, Kebawah

DYMM beserta kerabat diraja dijunjung berangkat ke ruang Viewing Deck di mana ruang ini menempatkan Telescope menghalia ke Ayer Berkunchi, iaitu tempat penggerudian telaga minyak pertama pada tahun 1899 di kawasan Ayer Berkunchi berdekatan Bandar Brunei.

Sembah penerangan ringkas mengenainya disampaikan oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Tenaga, JPM, Awang Haji Azhar Haji Yahya.

>> Muka 5



KEBAWAH DYMM berkenan menyaksikan salah satu pameran ketika mengadakan lawatan ke Galeri 3 (atas). Manakala gambar bawah dan bawah kanan, baginda menyaksikan Pameran Produk Orang Kelainan Upaya (OKU), terdiri daripada Pusat Bahagia, La Vida, Pusat Kegiatan Warga Emas, SMARTER Brunei dan Projek Pembinaan Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.





KEBAWAH DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama peserta Skim Silat Jabatan Belia dan Sukan dan Muzik dari Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT) Kumpulan Seri Laila Irama; dan Pemukun dari Kelab Budaya Mukun Selendang Sutera Brunei Darussalam.

>> Muka 4

Kebawah DYMM beserta kerabat diraja kemudian meneruskan lawatan ke Galeri 3, 'Masa Hadapan Kita : Pandangan Masa Hadapan Kita' dalam menerokai teknologi baharu ke arah transformasi Industri Minyak dan Gas yang lebih mapan.

Semasa memberikan sambah-

penerangan mengenai galeri tersebut, Dayang Hajah Zainab M. A. Omar antara lain menyentuh mengenai NBD telah menelusuri langkah dalam memulakan matlamat tenaga hijaunya serta cara mendukung inisiatif kerajaan ke arah masa hadapan yang rendah karbon dan penyelesaian tenaga yang lebih hijau yang merevolusikan atau

meningkatkan industri tenaga. Kebawah DYMM juga berkenan menerima pesambah daripada syarikat-syarikat BSJV.

Kemudian Kebawah DYMM berserta kerabat diraja dijunjung untuk menyaksikan Pameran Produk Orang Kelainan Upaya (OKU) terdiri daripada Pusat Bahagia, La Vida, Pusat Kegiatan Warga Emas, SMARTER Brunei dan Projek Pembinaan Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam

serta pameran dari Bank Islam Brunei Darussalam menerusi tanggungjawab sosial korporatnya.

Baginda juga seterusnya berkenan menyaksikan beberapa persembahan terdiri daripada Persembahan Seni Silat dari Skim Silat Jabatan Belia dan Sukan dan Muzik dari Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT) Kumpulan Seri Laila Irama; Pemukun dari Kelab Budaya Mukun

Selendang Sutera Brunei Darussalam dan pelukis-pelukis tempatan, sebelum dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

Setelah berangkat ke Galeri 4 : Galeri Seni, Kebawah DYMM berkenan menerima pesambah daripada Jawatankuasa Pandu Khas Muzium Interaktif Minyak dan Gas Brunei sebelum baginda dijunjung menyaksikan pameran di galeri tersebut.

>> Muka 6



KEBAWAH DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menyaksikan beberapa persembahan, terdiri daripada Persembahan Seni Silat dari Skim Silat Jabatan Belia dan Sukan dan Muzik dari KKBT Kumpulan Seri Laila Irama; Pemukun dari Kelab Budaya Mukun Selendang Sutera Brunei Darussalam dan pelukis-pelukis tempatan (kiri, atas, atas kanan dan atas kiri).



KEBAWAH DYMM bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan dijunjung bagi bergambar kenangan di hadapan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

>> Muka 5

Galeri ini adalah sebagai platform untuk kegiatan kesenian

tempatan, iaitu salah satu usaha ke arah mendukung pembangunan industri kreatif di

negara ini. Artwork Display yang dipamerkan dengan

kaedah *adjustable / sliding panel*. Manakala artifik dipamerkan di atas modular *sitting / plinth* dan tekstil dipamerkan dengan kaedah *suspended display*. Galeri ini adalah dibuka kepada penggiat seni yang berminat untuk mengadakan pameran sementara.

Sembah penerangan ringkas mengenainya disampaikan oleh Awang Haji Zakaria Omar dari Brunei Art Forum.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM beserta kerabat diraja dijunjung bagi Majlis Santap dan seterusnya berkenan menyertai sesi bergambar kenangan.

Projek Menaik Taraf Bangunan Kastam dan Eksais Diraja menjadi bangunan galeri ini ialah kolaborasi di antara Kementerian

Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Syarikat BSJV dan Brunei Gas Carriers Sdn. Bhd.

Pada 5 Mei 2021, satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani di antara KKBS dan Syarikat BSJV dan Brunei Gas Carriers Sdn. Bhd. untuk merealisasikan projek ini dan projek ini mula dilaksanakan pada 2 Disember 2020 dan telah selesai penaiktarafannya, pada Oktober 2022.

Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja dibuka kepada orang ramai pada setiap Sabtu hingga Khamis pada jam 9.00 pagi hingga jam 5.00 petang dan ditutup setiap Jumaat.



KEBAWAH DYMM berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada Awang Haji Zakaria Omar dari Brunei Art Forum mengenai lukisan yang dipamerkan.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima pesambah (atas), manakala gambar kanan, baginda berkenan menandatangani lukisan.



RIADAH BERBASIKAL KEPUTERAAN MERIAH DENGAN KEBERANGKATAN KEBAWAH DYMM



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin
Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Hamzah Mohidin,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN,
Ahad, 23 Oktober. -
Riadah Berbasikal Keputeraan
membuktikan ia bukan hanya

sekadar sebagai salah satu aktiviti
kesihatan diri, malah mampu
menjadi platform perpaduan bagi
segenap lapisan rakyat dan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan dijunjung bagi menandatangani bingkai jersi khas sempena Riadah Berbasikal Keputeraan 2022 (kiri). Manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda berangkat pada sesi bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Riadah Berbasikal Keputeraan 2022.

penduduk di negara ini.

Apa yang paling bermakna bagi rakyat dan penduduk di negara ini ialah keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berkenan mengetuai riadah berkenaan serta bercemar duli berkayuh basikal bersama lebih 1,000 pekayuh basikal, terdiri daripada kanak-kanak hingga ke warga emas, yang setentunya menjadi satu catatan sejarah tersendiri, yang diadakan secara besar-besaran dan meriah, di sini.

Semangat kesukanan yang tinggi dan penglibatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menunjukkan baginda merupakan ikon dalam menjana serta menggerakkan aktiviti sukan dan mempraktikkan ke arah kehidupan bergerak aktif serta sihat, di negara ini.

Begitu juga penglibatan yang ditunjukkan oleh paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah yang turut berkenan turun padang, dalam sama-sama memeriahkan aktiviti sihat tersebut.

>> Muka 8



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengetuai Riadah Berbasikal Keputeraan 2022 serta bercemar duli berkayuh basikal bersama lebih 1,000 pekayuh basikal, terdiri daripada kanak-kanak hingga ke warga emas, yang setentunya menjadi satu catatan sejarah tersendiri, yang diadakan secara besar-besaran dan meriah (atas, bawah kiri dan bawah kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menyertai Riadah Berbasikal Keputeraan 2022 serta bercemar duli berkayuh basikal bersama lebih 1,000 pekayuh basikal, mengelilingi ibu negara sejauh 1.9 kilometer dan melintasi jalan-jalan utama.

>> Muka 7

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan paduka-paduka anakanda baginda berserta Negara berserta

paduka-paduka anakanda baginda dan kerabat diraja yang lain, di ibu negara, dijunjung oleh

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad serta Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet yang lain.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda baginda kira-kira jam 7.30 pagi, baginda berkenan dijunjung bagi menandatangani bingkai jersi khas sempena Riadah Berbasikal Keputeraan 2022 dan menerima pesambahan, seterusnya berkenan dijunjung

bagi sesi bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Riadah Berbasikal Keputeraan 2022.

Upacara pelepasan Riadah Berbasikal, bermula sejurus *air horn* dibunyikan.

Kebawah DYMM berkenan mengetui kayuhan beramai-ramai mengelilingi ibu negara sejauh 1.9 kilometer dan melintasi jalan-jalan utama, antaranya Jalan Pretty, Jalan Elizabeth 2, Jalan Stoney, Jalan Pehin Dato Isa, Jalan Tasek, Jalan Kianggeh, Jalan McArthur dan berakhir di Bangunan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja (Bangunan Lama Kastam dan Eksais Diraja).

Kebawah DYMM seterusnya berkenan dijunjung bagi melancarkan Pembukaan Semula Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja (Bangunan Lama Kastam dan Eksais Diraja).

>> Muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan melambai kepada para pengunjung di Program Bandarku Ceria (kiri dan bawah kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menyertai Riadah Berbasikal berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan menyertai Riadah Berbasikal Keputeraan 2022 yang menggabungkan aspek gaya hidup sihat dan rekreasi dengan harapan untuk memupuk budaya sukan serta mengukuhkan lagi perpaduan masyarakat, dalam penglibatan ke arah gaya hidup sihat.

>> Muka 8

Selepas merasmikan bangunan tersebut, baginda kemudiannya berkenan meninjau suasana Bandarku Ceria dan melalui beberapa jalan sekitar Bandar Seri Begawan.

Acara tersebut turut disertai oleh Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, para jemputan dan orang ramai, termasuk warga asing.

Riadah Berbasikal Keputeraan 2022 menggabungkan aspek gaya hidup sihat dan rekreasi dengan harapan untuk memupuk budaya sukan serta mengukuhkan lagi perpaduan masyarakat, dalam penglibatan ke arah gaya hidup sihat.

Acara Riadah Berbasikal tersebut dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Kesihatan; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Kementerian

Pengangkutan dan Infokomunikasi; penglibatan semua kementerian; dan Persekutuan Basikal Brunei Darussalam bersempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Yang Ke-76, Tahun 2022.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia merupakan ikon dalam menjana serta menggerakkan aktiviti sukan dan mempraktikkan ke arah kehidupan bergerak aktif serta sihat, di negara ini. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas). Manakala gambar bawah kiri dan bawah, antara yang menyertai riadah berkenaan.



BERANGKAT KE MAJLIS PERHIMPUNAN KHAS WANITA



Oleh : Marlinaawaty Hussin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran

Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah

Hafizah Sururul Bolkiah, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin

Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa

Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1444 Hijrah; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Penasihat Bersama Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1444 Hijrah; Penasihat - penasihat Bersama dan Pengerusi-pengerusi Bersama serta Jawatankuasa Kerja Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara 1444 Hijrah dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD).

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, iaitu Surah At-Tahrim, ayat 1 hingga 7, oleh Dayang Siti Zahrina binti Abdul Wahab, pemenang tempat ketiga Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian

Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi.

Pengerusi Bersama Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara 1444 Hijrah, Dayang Hajah Siti Mahyana binti Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya, dalam sembah alu-aluannya antara lain menyembahkan mengenai tema majlis perhimpunan khas berkenaan pada tahun ini, iaitu 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Meraih Syafaat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Beliau juga menyembahkan bawaan syafaat berkenaan adalah nikmat yang luar biasa khusus kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi mereka yang 'terpilih'.

Yang dimaksudkan dengan 'terpilih' sembahnya lagi adalah bagi yang melakukan amalan yang disuruh semasa hidup di dunia antaranya memperbanyakkan Zikir dan Selawat.

>> Muka 11



MAJLIS dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayang Siti Zahrina binti Abdul Wahab (kiri), manakala gambar tengah, Pengerusi Bersama Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara 1444 Hijrah, Dayang Hajah Siti Mahyana binti Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya dalam sembah alu-aluannya. Sementara gambar kanan, Doa Selamat dibacakan oleh Penguasa Da'wah dan Tabligh, Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Norhayati binti Pengiran Kasharan.



BACAAN Selawat Tafrijiyah dan Selawat Munjiyyah beramai-ramai oleh para penuntut (atas), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan paduka-paduka anakanda serta adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara 1444 Hijrah.

>> Muka 10

"Oleh itu, marilah kita semua agar memperbaikkan Selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam agar kita semua mendapat syafaatnya kelak, di hari serba sulit, di hari yang menakutkan, di hari yang tidak ada bantuan dan harapan kecuali dari Yang Maha Berkuastra."

"Semoga kita menjadi orang-orang yang beruntung di antara umat Rasulullah yang mendapat syafaat Baginda," sembah Dayang Hajah Siti Mahyana lagi.

Majlis diteruskan dengan Persembahan Dikir Marhaban yang dipimpin oleh gabungan para pegawai dan kakitangan wanita MTIC dan Ahli-ahli MWNBD.

Majlis diserikan lagi dengan Ceramah Khas mengenai tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Hanisah binti Haji Othman.

Acara diteruskan dengan bacaan Selawat Tafriyyah

dan Selawat Munjiyyah beramai-ramai oleh para penuntut Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Penguasa Da'wah dan Tabligh, Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Norhayati binti Pengiran Kasharan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Raja Isteri berserta kerabat diraja kemudiannya berangkat meninggalkan majlis.

Majlis Perhimpunan Khas

Wanita pada tahun ini diselenggarakan oleh KHEU dengan kerjasama MTIC dan MWNBD.



Tetap sabar dengan ujian Allah berikan



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morsidi, Azmah Hajah Ahad

Khas yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Hanisah binti Haji Othman pada Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara 1444 Hijrah, yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Jerudong, di sini.

Dalam Ceramah Khas mengenai tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini, iaitu 'Bersabar, Berikhтир, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian: Meraih Syafaat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam', Dayang Hanisah seterusnya mengongsikan bagaimana seseorang itu boleh mendapatkan sumber kekuatan apabila menghadapi ujian.

Tambahnya lagi, kisah-kisah kehidupan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam boleh dijadikan sebagai inspirasi dan seseorang itu boleh belajar mengenai ujian kerana Baginda merupakan seorang manusia yang paling berat diuji, dilontar dengan batu, diludahi, diusir dan sebagainya.

Seperti manusia biasa menurutnya, Rasulullah juga tidak terlepas daripada menangisi atau bersedih dengan ujian yang Baginda hadapi antaranya ialah

Baginda pernah menangis semasa kepergian putera Baginda yang terakhir, iaitu Ibrahim Radiallahuanhu.

Di penghujung hidup Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam jelasnya, setelah kehilangan kedua-dua anak lelakinya, iaitu Qasim dan Abdullah di bawah usia dua tahun, Baginda dikurniakan dengan seorang anak lelaki melalui perkahwinannya bersama Mariyah Al-Qibtiyah.

Tambahnya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat gembira pada hari kelahiran Ibrahim, sehingga dia mengangkat Ibrahim dan melaungkan kepada orang ramai di Madinah.

Menurutnya lagi, kebahagiaan Baginda melalui Ibrahim sangat ketara hingga Baginda sering membawa Ibrahim bersamanya ke masjid.

Walau bagaimanapun jelasnya, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, ketika Ibrahim berumur 16 ke 17 bulan, Ibrahim ditimpak kesakitan, dan hari demi hari, ia semakin ketara bahawa Ibrahim juga akan mengikut jejak abang-abangnya, Abdullah dan Qasim Radiallahu Anhumah.

Dayang Hanisah seterusnya mengongsikan, Anas bin Malik meriwayatkan, pada saat-saat terakhir Ibrahim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

mengangkat Ibrahim, mencium Ibrahim, menghidu bau rambutnya, dan memegang Ibrahim hingga nafas Ibrahim semakin lemah dan bertukar tiada.

Sebaik sahaja Ibrahim pergi terangnya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pun menangis dengan tangisan yang tidak pernah para sahabat saksikan sebelum ini.

"Jadi yang perlu kitani tahu adalah tidak salah kitani menangis atas pemergian orang yang kitani sayangi. Tetapi, lidah kitani mestilah terjaga daripada mengatakan sesuatu yang tidak direndah oleh Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya lagi.

Dalam kehidupan seorang mukmin itu jelasnya lagi, ia memang akan selalu berada dalam dua keadaan, iaitu jika dia ditimpak kebaikan, dia akan bersyukur, dan jika dia ditimpak keburukan, dia bersabar.

Kedua-dua perkara berkenaan menurutnya, adalah baik baginya kerana ia bersyukur ke atas nikmat Allah Subhanahu Wata'ala, atau ia bersabar dengan ujian yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan.

Walau bagaimanapun tambahnya, Imam Al-Ghazali dalam kitab beliau Jawahir Al-Quran (Permata Al-Quran) ada mengulaskan bahawa memilih untuk bersyukur adalah lebih utama daripada bersabar, kerana bersyukur itu, datangnya daripada rasa kasih, manakala dengan bersabar, seseorang itu

tidak akan bebas daripada rasa keperih atau kesedihan.

Setiap kali Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ditimpak dengan musibah jelasnya, Baginda akan bersyukur kepada Allah dengan empat perkara, iaitu pertama, kerana ujian berkenaan boleh menjadi lebih berat, tetapi Allah telah menjaganya; kedua, kerana ujian berkenaan bukan ujian kepada agamanya, maksudnya selagi ujian berkenaan bersifat dunia dan tidak mengurangkan imannya, dia akan sentiasa bersyukur; ketiga kerana ujian berkenaan akan menghapus dosa-dosanya yang telah lalu; dan keempat, Baginda selalu mengingatkan dirinya yang dia diberi kesabaran atau kemampuan untuk menghadapi ujian berkenaan, kerana Allah tidak akan membebankan hambanya dengan ujian yang mereka tidak dapat hadapi.

Apabila seseorang itu ditimpak ujian katanya, mereka perlu melatih diri untuk terus bersyukur kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda, sepetimana yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, yang bermaksud "Sabar yang sebenar itu adalah ketika di awal musibah menimpa" dan bilamana seorang hamba itu memuji Allah Subhanahu Wata'ala ketika ditimpak musibah, mereka akan dibinakan sebuah rumah di syurga oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Hanisah binti Haji Othman.

JERUDONG, Sabtu, 22 Oktober. - Setiap manusia pernah merasakan ujianinya masing-masing, dan pernah menitiskan air mata kerana ujian kehidupan.

Mungkin ada juga manusia yang pernah atau sedang diuji dengan kesihatan tubuh badan, kesempitan kewangan, hubungan perkahwinan, atau mungkin diuji dengan ujian keimanan, malah salah satu ujian yang paling berat atau susah untuk dihadapi adalah apabila seseorang itu kehilangan orang yang disayangi.

Perkara berkenaan merupakan antara inti pati Ceramah

DPMM FC TUNDUKKAN INDERA SC, 5 - 1



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menyaksikan perlawanan di antara DPMM FC menentang Indera SC.

JERUDONG, Sabtu, 22 Oktober. - DPMM FC menang bergaya setelah berjaya menewaskan Indera SC dengan keputusan 5 - 1 pada perlawanan Suku Akhir Piala FA Brunei 2022 yang berlangsung di Mini Stadium Jerudong Park, di sini.

Berkenan berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Pada perlawanan berkenaan, dua adik-beradik daripada pemain DPMM FC, iaitu Muhammad Shahrazen Said dan Muhammad Hakeme Yazid Said muncul wira bagi pasukan berkenaan setelah masing-masing berjaya menjaringkan dua gol, sementara Muhammad Hanif @ Abdul Hadi Hamir pula menjaringkan satu gol pada perlawanan berkenaan.

Manakala, gol sulung bagi Indera SC dijaringkan oleh

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Masri Osman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

Mohammad Aimmil Rahman Ramlee.

Pada babak pertama perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan namun Indera SC berjaya membolosi gawang DPMM FC setelah Mohammad Aimmil Rahman Ramlee berjaya menjaringkan gol buat pasukannya menerusi sepakan percuma yang menewaskan Mohammad Haimie Abdullah Nyaring dengan sepakan dari sisi kiri gawang pada minit ke-9.

Setelah didahului dengan jaringan mata 1 - 0, DPMM FC seterusnya dengan bijak mengawal permainan dan melakukan serangan demi serangan, hampir sahaja berjaya menjaringkan gol menerusi Muhammad Hakeme Yazid Said pada minit ke-23.

Namun pada minit ke-25 pula, Muhammad Shahrazen Said kemudiannya berjaya menyamai jaringan bagi DPMM FC setelah menunduk masuk bola ke gawang Indera SC susulan hantaran lintang daripada sayap kiri pemain

DPMM FC.

Pada separuh masa kedua pula menyaksikan DPMM FC terus mengawal permainan dengan bijak dan berjaya menjaringkan gol menerusi Muhammad Hakeme Yazid Said pada minit ke-55.

Sementara Muhammad Hanif@Abdul Hadi Hamir seterusnya menambah lagi derita Indera SC setelah berjaya menewaskan penjaga gawang, Mohammad Ahsanuddin Haji Mohd Dani menjadikan keputusan DPMM FC tiga dan Indera SC satu.

Muhammad Shahrazen Said dan Muhammad Hakeme Yazid Said masing-masing terus menggandakan jaringan mereka pada perlawanan berkenaan pada minit ke-84 dan ke-85 sekali gus menjadikan jaringan mata 5 - 1 berpihak kepada DPMM FC.

Jaringan mata kekal 5 - 1 hingga pengadil menutup wisel penamat.

Pada perlawanan lain, Kasuka FC membelaas Panchor Murai FC dengan jaringan 9 - 0.



SEBAHAGIAN yang hadir memberikan sokongan pada perlawanan di antara DPMM FC menentang Indera SC.



ANTARA aksi menarik perlawanan di antara DPMM FC menentang Indera SC yang berlangsung di Mini Stadium Jerudong Park (atas, bawah kiri dan bawah).



MALAM MUNAJAT TERUS MEMOHON PERLINDUNGAN ALLAH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Acara kerohanian tersebut terus mendapat sambutan baik dari orang ramai, para pegawai dan kakitangan KHEU serta penyertaan menggalakkan daripada jemaah dari 88 buah masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Penaung Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Belimbang, Subok, Dato Seri Paduka Awang Haji Roselan bin Haji Mohd. Daud dari Masjid Kampung Belimbang, Subok.

Seterusnya bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh mahasiswa Ijazah Sarjana dalam Bidang Biologi

di Universiti Brunei Darussalam (UBD), Awangku Muhammad Abdul Majeed Ariffin bin Pengiran Haji Md. Abd Aziz dari Masjid UBD.

Ini diikuti dengan bacaan Doa Munajat oleh Pegawai Buhuth di Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Muhammad Wafiuddin bin Pengiran Haji Zulkarnain.

Acara tersebut juga disertai dengan tazkirah bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Seorang Insan yang Pemurah', disampaikan oleh Pegawai Ugama i-Ready, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhamad Waqiyuddin Fakhri bin Haji Damit.

Seterusnya bacaan Asmaul Husna dipimpin oleh Belia Biro Keagamaan, Kelab Komuniti

Belia Transformasi, Pusat Belia, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf dari Surau Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Bagi memberkati acara, Doa Peliharakan Sultan dan NBD dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Pengiran Mohd. Akbar bin Pengiran Haji Mohd. Sabri dari Masjid Kampung Belimbang Subok.

Antara yang menyertai acara Malam Munajat tersebut Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Orang ramai dipelawa untuk menyertai Malam Munajat dari mana juga

mereka berada pada setiap Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan <http://tiny.cc/munajatkheu> atau melalui Instagram Pusat Da'wah Islamiah @pdi_kheu.



Suntikan VAKSIN COVID-19 diberikan secara PERCUMA kepada semua rakyat dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam

www.moh.gov.bn | 148



KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama meneruskan lagi Malam Munajat secara maya bagi kali ke-58. Antara yang menyertai Malam Munajat tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

346 kes sembah

Oleh : Khartini Hamir
Infografik : Kementerian Kesihatan



COVID-19 : Tidak ada kes dalam Kategori 5

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Oktober. - Sebanyak 387 kes disahkan sembah, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembah meningkat kepada 232,371.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak enam kes dilaporkan berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi sementara tidak ada kes dilaporkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 22 Oktober 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 86.1 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 61.6 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.6 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.7 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.

BELIA PEMANGKIN NEGARA ZIKIR MELAYU ISLAM BERAJA



TAZKIRAH Subuh dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Oktober. - Riadah Berbasikal Keputeraan 2022 sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76, Tahun 2022, yang diadakan

pada Program Bandarku Ceria, dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Selain itu, acara tersebut turut diisinya dengan Tazkirah Subuh, dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.



Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Tazkirah, bertajuk 'Peranan Belia sebagai Pemangkin Negara Zikir Melayu Islam Beraja', disampaikan



TAZKIRAH disampaikan oleh Dekan Pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk (atas), manakala gambar kiri, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

oleh Dekan Pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

Dalam tazkirahnya, Dekan Pelajar KUPU SB, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi, antara lain memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018, yang berbunyi, "Negara sangat memerlukan generasi muda untuk berani tampil menerajui pembangunan. Para belia perlu mengambil satu peluang untuk meningkatkan keupayaan diri masing-masing melalui program-program, yang ditawarkan di dalam atau di luar negeri.

"Mereka sepatutnya lebih terpanggil untuk menerajui pucuk pimpinan badan-badan sukarela, mahupun syarikat-syarikat. Para belia yang biasanya kaya dengan idea-idea baharu pasti berani untuk menghadapi pelbagai cabaran. Mereka yang diharapkan untuk memberikan nafas baharu kepada segala usaha pembangunan dalam negara".

Sementara itu, katanya, Negara Zikir disebutkan di dalam Al-Quran merupakan sebuah negara yang disifatkan sebagai *Baldatun Thayyibatun Warabun Ghafur*, yang membawa maksud negara yang aman makmur serta mendapat pengampunan dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, Surah Saba,

ayat 15.

"Negara Zikir juga telah diilhamkan oleh Kebawah DYMM dalam titah baginda sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha, pada 9 Zulhijah 1428H bersamaan 19 Disember 2007M, yang antaranya berbunyi, Brunei adalah negara yang selalu bersama-sama dengan ar-Rahman (Yang Maha Mengasihi), yang sentiasa berhias dengan zikir dan menjadikannya sebagai rutin kebiasaan.

"Kerana itu, Allah pun dengan rahmat-Nya memalingkan kita dari sebarang kesusahan dan bencana dari pelbagai anasir yang boleh merosakkan keamanan, terus berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir, yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaan-Nya," jelasnya.

Sebagai seorang Muslim, katanya, kita perlu mengukuhkan kefahaman tentang agama Islam, seperti menjaga solat, menjaga ibadah dan menjaga etika sebagai seorang Muslim apatah lagi kita ketika ini berada pada Abad Ke-21 era globalisasi, informasi komunikasi teknologi.

"Generasi pada hari ini perlu kepada anti virus dan sistem pertahanan diri sendiri yang mampu menapis perkara-perkara yang tidak baik, selain menjaga jati diri dan identiti kita selaku Purih Brunei yang terkenal dengan Melayu Islam Beraja perlu dipertahankan.

"Anak-anak sekarang juga perlu berhati-hati dengan Normalisasi Negatif yang dibawa oleh pengaruh media sosial," tambahnya.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

PenggunaBijak

Kewangan cekap melalui pendigitalan ekonomi



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan APEC (FMM) telah diadakan pada 19 hingga 21 Oktober 2022 di Bangkok, Thailand.

>> Muka 1

Dialog antara para Menteri dan The APEC Business Advisory Council turut diadakan di mana dialog tertumpu kepada kewangan digital inklusif.

Mengakui akan kepelbagai halangan yang dihadapi oleh ekonomi global, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dalam intervensi, berkongsi mengenai prospek pertumbuhan positif NBD yang berpandukan kepada usaha kepelbagai ekonomi yang dipergiat serta inisiatif bagi manangani peningkatan inflasi.

Yang Berhormat juga mengalaukan keutamaan Thailand di bawah landasan APEC FMP yang antara lain menyampaikan perspektif NBD tentang perkara berikut iaitu dalam agenda kelestarian.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Dalam agenda ini merangkumi beberapa bahagian iaitu pengiktirafan pelengkap pelbagai dasar kerajaan untuk memupuk ekosistem yang kondusif; keperluan untuk membolehkan dan memberi insentif kepada syarikat, terutamanya Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS), untuk beralih ke arah model perniagaan hijau dan peranan penting sektor kewangan untuk menggerakkan pelaburan swasta dalam projek hijau.

Dalam hal ini, Yang Berhormat juga menantikan penglibatan berterusan APEC FMP, termasuk untuk meneroka garis panduan umum mengenai taksonomi hijau.

Manakala dalam agenda pendigitalan, penghargaan terhadap potensi transformasi penyampaian perkhidmatan awam

dan pengurusan kewangan awam yang lebih cekap melalui pendigitalan, peluang ekonomi dibuka dan cabaran ketidaktentuan cukai dan ketidakpatuhan dalam ekonomi digital, dan menyediakan infrastruktur yang memastikan ketersambungan digital yang boleh diakses dan berpatutan.

Yang Berhormat turut mengalaukan kertas dasar APEC mengenai perkara ini sebagai sumber rujukan untuk ekonomi ahli dan kerjasama masa depan APEC dan seterusnya mengiktiraf kerja OECD dalam manangani cukai dalam ekonomi digital.

Penyata Pengurus APEC FMM yang menggariskan beberapa sorotan mesyuarat boleh didapati di <https://www.apec.org/>.

WADAH PENTING DALAM ASPEK KEGURUAN ISLAM

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

GADONG, Sabtu, 22 Oktober. - Para pendidik diseru supaya memberikan laluan kefahaman kepada anak-anak didik bahkan kepada masyarakat untuk mengenali dengan sebetulnya perbezaan di antara pendidikan Barat dan juga Islam.

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menjelaskan, kerana dengan cara itu, kita harapkan akan dapat mengekalkan kesedaran dan keberhajatan ummah kepada pendidikan Islam.

Pada perasmian Seminar Antarabangsa Pendidikan dan Sains Sosial 2022, hari ini, Yang Berhormat Mufti Kerajaan seterusnya berucap bahawa seminar kali pertama tersebut membawakan tema 'Pendidikan Sains Sosial dan Kemasyarakatan Pemangkin Kesejahteraan Ummah', boleh disifatkan sebagai penting dan relevan dalam memberi pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat terhadap dimensi gugusan sains kemasyarakatan yang merangkumi aspek sejarah, peradaban dan ketamadunan, sosiologi, antropologi, ekologi, linguistik, pendidikan dan lain-lain.

"Seminar ini juga penting sebagai wadah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kewujudan gugusan sains kemasyarakatan dan kepentingannya dalam aspek keguruan Islam.

"Penekanan kepada Islamisasi

ilmu (Islamization of Knowledge) dalam bidang sains kemasyarakatan berdasarkan Maqasid Syariah, adalah lebih signifikan untuk menangani isu kemasyarakatan global dan setempat, selaras dengan tradisi perkembangan ilmu dalam tamadun Islam," kata Yang Berhormat Mufti Kerajaan lagi pada majlis yang berlangsung di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), di sini.

Yang Berhormat seterusnya menekankan bahawa adalah perlu bagi setiap individu dan pemikir Islam untuk bersikap kritis dalam memahami erti *apologetic* dan *accommodative* hasil daripada kesedaran intelek yang rasional kerana pemikiran dan pemahaman biasanya dipengaruhi oleh emosi dan pegangan yang diambil daripada selain Manhaj Islam.

Kerana itu, tegas Yang Berhormat, kita jangan lupa, dalam pendidikan, ada dua persimpangan yang mesti dan perlu difahami dan dikenali iaitu Persimpangan Pendidikan Islam dan Persimpangan Pendidikan Barat.

"Di sana ada empat konsep pendidikan menurut perspektif Barat, iaitu bermula dari Sekuler, Liberal, Pragmatis dan Materialis. Dalam makna, pendidikan dalam peradaban barat itu adalah meminggirkan sama sekali kepercayaan ugama. Berbanding konsep pendidikan Islam ia dibangun atas wahyu dan kepercayaan agama," tambah Yang Berhormat.

"Penekanan kepada Islamisasi

Dari sudut karakteristik pendidikan, ujar Yang Berhormat Mufti Kerajaan, pendidikan Islam adalah jelas sangat unggul dari lain-lain pendidikan kerana dasar pendidikan Islam itu adalah mencakup Tarbiah, Ta'lim dan Ta'dib.

Tarbiah, jelas Yang Berhormat berasal dari tiga kata iaitu *Rabba Yarbuu* ertinya bertambah atau bertumbuh, *Rabaa Yarbaa* ertinya jadi besar dan *Rabba Yarubbu* ertinya memperbaiki, menuntun, menjaga dan memelihara.

"Jadi dari tiga asal kata ini, pendidikan atau Tarbiah itu dapatlah disimpulkan sebagai mempunyai empat unsur iaitu untuk memelihara fitrah pertumbuhan kanak-kanak menjelang baligh, untuk mengembang besarkan seluruh potensi yang sifatnya adalah pelbagai, untuk membawa anak didik menuju kebaikan dan kesempurnaan yang selayaknya, dan proses ini dilaksanakan secara bertahap," jelas Yang Berhormat lagi.

Kemudian Mufti Kerajaan menerangkan, Ta'lim, merupakan bahagian dari tarbiah yang tujuannya untuk memperoleh pengetahuan dan keahlian berfikir. Sementara Ta'dib ialah kegiatan pendidikan, sehingga semua ilmu yang dihasilkan oleh akal manusia disebut ia adab atau peradaban di mana seorang pendidik layak ia digelar Muaddib.

Demikian pendidikan Islam itu merupakan proses transformasi ilmu pengetahuan kepada anak didik untuk menjadi insan kamil, caranya, pendidik tidak boleh tidak mesti dibangun atas wahyu dan

kepercayaan ugama, bukan seperti pendidikan Barat yang didakwa sebagai bebas nilai, tetapi hakikatnya bukan benar bebas nilai, melainkan yang sebenarnya hanya bebas daripada nilai-nilai ketuhanan dan ugama, yang makanya pendidikan Barat itu dinamakan ia sekuler, memisahkan ilmu dari ugama.

Tambah Yang Berhormat Mufti Kerajaan lagi, berbeza dengan pendidikan Islam, membangun manusia adalah dengan wahyu dan agama yang dimulakan dari awal-awal lagi, sebagaimana petunjuk hadis riwayat Al-Hakim yang bermaksud, '*Mulakanlah (mengajar) anak-anak kamu dengan 'La illaha illallah' sebagai perkataan pertama*'.

"Ini bertepatan dengan syariat azan dan iqamah terhadap kanak-kanak yang baru lahir. "Inilah pendidikan awal Islam. Mana ada satu pendidikan lain yang serupa dengan pendidikan cara Islam ini," tegas Yang Berhormat.

Selepas itu, menyelusuri perkembangan kanak-kanak, Islam, jelas Yang Berhormat, menyediakan sistem yang seimbang melalui konsep Targhib (memberi galakan) dan konsep Tarhib (memberi ancaman), sebagaimana hadis riwayat Abu Daud yang bermaksud, "*Perintahkan anak-anak kamu untuk sembahyang ketika mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka (jika tidak mahu sembahyang) ketika berumur 10 tahun dan pisahkan tempat tidur mereka*".

Malah pendidikan Islam, Yang Berhormat Mufti Kerajaan



YANG Berhormat Mufti Kerajaan berucap pada perasmian Seminar Antarabangsa Pendidikan dan Sains Sosial 2022.

menekankan, mencakup segala perkara yang tidak terlintas kepada lain-lain pendidikan, seperti dalam riwayat Muslim, sahabat Salman Radhiyallahu 'Anhu telah memberitahu bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah melarang kami dari mengadap kiblat ketika membuang air besar atau kencing atau kami beristinja dengan tangan kanan, atau beristinja dengan kurang dari tiga biji batu, atau beristinja dengan tahi binatang atau dengan tulang.

"Sampai ke mari Islam mengajar dan mendidik pengantun-penganutnya, sesuatu yang tidak pernah dihiraukan oleh mana-mana sistem pendidikan di luar Islam," jelas Yang Berhormat Mufti Kerajaan lagi.



YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa hadir pada perasmian Seminar Antarabangsa Pendidikan dan Sains Sosial 2022.

terhadap kemahiran kompetensi seperti pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah yang berkesan dalam proses sosiolisisasi individu dan komuniti serta menggalakkan kerjasama penyelidikan dalam situasi ilmiah dan profesional yang mempunyai kepentingan dalam libat sama universiti-komuniti kemasyarakatan di setiap peringkat pengajaran.

Kemudian, Profesor Madya Dr. Muhd Zahiri seterusnya menerangkan, meneliti dan mengambil *ibrab* dari segala peristiwa sejarah sehingga dalam dunia pendidikan, perlu menjadikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah lebih menarik dengan pedagogi, kaedah dan teknik yang berkesan dalam kontek menimbulkan penghayatan, sosiopendidikan dan jati diri patriotik yang tinggi.

Adapun objektif seminar dianjurkan antaranya adalah bagi memperkasakan peranan bidang Pendidikan Sains Sosial dan Kemasyarakatan di dalam menyediakan modal insan dalam

era Revolusi Industri 4.0. Selain itu, ia bertujuan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran yang relevan iaitu dengan berkongsi maklumat professional dan saintifik sains sosial dan pendidikan semasa yang berhubung kait dengan isu dan cabaran masa kini berteraskan ajaran Islam.

Seminar diharap menjadi satu platform yang mewujudkan rangkaian kerja yang lebih sistematik dengan agensi-agensi yang juga berperanan memberikan khidmat sosial termasuk ahli psikologi, kerja sosial, khidmat nasihat dan lain-lain dalam setting yang berbeza seperti sekolah, pengajian tinggi, kesihatan mental, agensi kerajaan dan khidmat sosial.

Ini juga termasuk mewujudkan jaringan kerjasama dalam kalangan cendekiawan atau ilmuwan dalam bidang sains sosial dan pendidikan Islam yang ada di jabatan atau organisasi lain secara bersemuka.



ANTARA yang hadir pada perasmian seminar tersebut.

MAULIDUR RASUL TERUS BERSEMARAK

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



CERAMAH Khas disampaikan oleh Da'ie Bertaullah dari Majlis Ugama Islam Brunei, Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Oktober. - Majlis-majlis memperingati Maulidur Rasul terus diadakan di negara ini dalam sama-sama meriah ganjaran pahala dan sebagai menzahirkan

tanda kecintaan kita kepada rasul Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan itu, Pejabat Peguam Negara tidak ketinggalan menganjurkan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi berlangsung di Dewan Jubli Emas, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Turut hadir, Peguamcara Negara, Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi serta pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Pegawai Pelajaran, Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Jabatan Pengajian Islam, Pengiran Muhammed Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki.

Atur cara majlis kemudiannya memperdengarkan penyampaian Ceramah Khas bertajuk 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Meraih Syafaat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' disampaikan oleh Da'ie Bertaullah dari Majlis Ugama Islam Brunei, Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Melalui pengisian ceramahnya, beliau antara lain menyentuh pengertian syafaat dari segi bahasa yang bermaksud permohonan atau perantara untuk mendapatkan sesuatu manakala dari segi istilah, ia bererti perantara untuk memberikan suatu manfaat atau pertolongan bagi orang lain atau menghilangkan suatu mudarat.

Bagi kita umat Islam, syafaat ini



YANG Berhormat Peguam Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi.

merupakan pertolongan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di akhirat kelak, yang akan menjadi penyelamat manusia daripada terjerumus di seksa neraka.

Justeru, untuk meraih syafaat Baginda Rasulullah jelasnya, kita perlu mencontoh dan meneladani akhlak terpuji Baginda Rasulullah kerana Baginda merupakan contoh ikutan dalam setiap perkara bagi umat Islam.

Layaknya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjadi *uswah hasanah* bagi kita umat Islam, kerana Baginda juga adalah manusia. Bahkan antara manusia yang paling banyak menerima ujian dan yang terbaik dalam

menghadapi ujian dengan tenang dan penuh sabar.

Menurutnya lagi, sebagai seorang manusia, kita memang tidak akan lari daripada ujian-ujian hidup, berasa sedih, kehilangan dan sebagainya.

Namun demikian tambanya, dalam menghadapi ujian hidup, kita perlu sentiasa bersabar, berikhtiar, di samping berdoa memohon kepada Allah serta bertawakal.

Majlis juga diserikan dengan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat. Antara lain, aktiviti keagamaan ini dikendalikan setiap tahun oleh pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Forum, pembentangan dalam pelbagai bidang pendidikan



RA'ES KUPU SB semasa menyampaikan pembentangan.

membincangkan mengenai perkembangan intelektual Islam yang berlaku khususnya pada pertengahan era 20-an yang digelar sebagai era 'Networked Islam'.

Munculnya ilmuwan-ilmuwan Islam menyumbang kepada pembentukan pemikiran Islam di Serantau. Mereka membantu membanteras kesan-kesan pengaruh daripada ideologi lain termasuk secularism.

Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, dalam pembentangan kertas utama kedua seterusnya membincangkan mengenai realiti dan cabaran pendidikan sains sosial dalam Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dr. Haji Adanan menjelaskan bahawa Pendidikan Sains Kemasyarakatan berperanan dalam membentuk dan membangun negara melalui pemahaman sejarah dan asal usul bangsa serta seterusnya membentuk ketamadunan negara. Perkara tersebut menurutnya, selaras dengan hasrat Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) yang merupakan sistem pendidikan bersifat holistik.

Sementara Profesor Dr. Haji Mohd. Dahlan Haji Abdul Malek dari Universiti Malaysia Sabah selaku pembentang kertas utama tiga pula menerangkan mengenai 'Islamization of Knowledge in Social Sciences' menjelaskan

bahawa majoriti cendekiawan Islam sangat mengambil perhatian terhadap konsep Islamisasi ilmu pengetahuan (Islamization of Knowledge) khususnya pada era tahun 80-an disebabkan oleh kesedaran global berkenaan menghidupkan ilmu-ilmu Islam pada era tahun 70-an.

Beberapa frasa digunakan untuk menginterpretasikan konsep tersebut termasuk 'Islamization of Knowledge' dan 'Islamization of Contemporary or present day knowledge'.

Namun begitu, jelas Profesor Dr., penggunaan frasa 'Islamization of knowledge' adalah tidak sesuai kerana ianya memberi bayangan bahawa semua ilmu termasuk ilmu tradisi Islam yang dipelopori oleh ilmuwan Islam terdahulu berdasarkan Al-Quran dan Sunnah adalah belum Islamik dan perlu diislamkan.

Pembentangan kertas utama empat dilanjutkan pada sebelah petang oleh Dr. Zahid Parvez dari Markfield Institute of Higher Education, United Kingdom membincangkan mengenai 'The role of Islamic Social Sciences in the 21st Century : Global perspectives on education and consequences'.

Dr. Zahid berpendapat bahawa para pendidik perlu memikirkan dan memberi pertimbangan terhadap tiga perkara dalam membentuk pendidikan berpaksikan ajaran Islam iaitu pertama, objektif pendidikan dan pembangunan sosial yang perlu dicapai (bentuk masyarakat yang diharapkan).

Kedua, mengenal pasti pengetahuan dan kemahiran semasa yang diperlukan termasuk nilai-nilai dan adab. Yang ketiga, pengurusan pendidikan yang efektif, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baharu bagi menyalurkan kemahiran-kemahiran akademik yang bersesuaian seiring dengan keperluan masyarakat dan negara. Ketiga-tiga perkara di atas akan membantu membentuk perspektif dan pendekatan yang terkini.

Pada seminar tersebut, juga diteruskan dengan Forum Khas mengenai Sains Sosial dalam Pendidikan Islam yang

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



SEKITAR Seminar Antarabangsa Pendidikan dan Sains Sosial 2022 anjuran bersama Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan dan Fakulti Pendidikan, KUPU SB termasuk Pembentangan Empat Kertas Utama dan Forum Khas Sain Sosial dalam Pendidikan Islam.

dibincangkan oleh beberapa ahli panel terdiri daripada Profesor Madya Dr. Muhammad Zahiri bin Awang Mat, Dr. Ahmad Yunus bin Kasim, Dr. Nazirul Mubin bin Ahad iaitu para akademik Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan dan Fakulti Pendidikan, KUPU SB dan Profesor Madya Dr. Mohd. Shahril bin Ahmad Razimi selaku moderator.

Menurut Profesor Madya Dr. Muhd Zahiri bin Awang Mat, Islamisasi ilmu bukan suatu yang baharu dalam Islam, bahkan ia telah terlaksana dari sejak ketamadunan Islam dahulu. Imam Al-Ghazali dalam satu kitabnya mengandungi pelbagai disiplin ilmu yang mana perkara tersebut merupakan satu proses integrasi ilmu berlandaskan ajaran Islam.

Penjajahan negara-negara Islam oleh orang-orang Barat dan tumbulnya ideologi sekular, telah menimbulkan gagasan untuk menghidupkan lagi ilmu-ilmu Islam dengan konstruk yang baharu. Ilmuwan-ilmuwan Islam seperti Al-Attas, memaparkan model-model Islamisasi bagi membentangkan ilmu-ilmu Islam dalam konteks yang lebih terkini.

Dalam konteks ini, Islamisasi ilmu tersebut sebenarnya istilah yang bukan disepakati oleh semua pihak yang berkaitan, pelbagai istilah digunakan untuk menerangkan idea Islamisasi ilmu tersebut, namun dengan tujuan yang sama iaitu untuk membentuk satu wajah baharu bagi menyalurkan asas-asas Islam dalam pelbagai ilmu.

Dr. Nazirul Mubin pula menghuraikan bahawa Sains Sosial merupakan bidang yang melibatkan satu proses yang panjang. Asas pemikiran Sains Sosial bermula pada zaman Yunani iaitu tokoh seperti plato dan Socrates yang banyak membincangkan mengenai ilmu tersebut.

Namun begitu, umat Islam dilihat sebagai umat yang lebih kehadapan khususnya pada Zaman Abbassiyah kerana tertubuhnya Baitul Hikmah. Pada zaman itu orang-orang menterjemahkan kitab-kitab Yunani dan memberi nilai terhadap ilmu-ilmu tersebut.

Tamadun lain seperti Rom sangat mementingkan kebendaan namun ketamadunan Islam meletakkan ilmu sebagai benchmark bagi kejayaan sebenar sesebuah ketamadunan.

Oleh kerana itu, orang-orang barat mula merantau mencari ilmu dan diperkembangkan sehingga mengeluarkan mereka daripada kegelapan. Kemudian, Dr. Ahmad Yunus bin Kasim pula menjelaskan mengenai kepentingan sains sosial dalam konteks NBD sebagai Negara Zikir, iaitu bagaimana masyarakat boleh mempraktikkan calak Brunei iaitu dengan memahami terlebih dahulu mengenai sejarah NBD itu sendiri.

Sejarah pula sangat penting untuk diajarkan agar identiti kebruneian tidak hilang. Selain itu, sejarah perlu diajarkan dalam bahasa yang boleh difahami dengan baik oleh orang-orang tempatan itu sendiri.



PROFESSOR Dr. Haji Mohd. Dahlan Haji Abdul Malek dan Profesor Dr. Khairudin Al-Junied semasa menyampaikan pembentangan.

UNDI, PILIH CALON PENGHULU, KETUA KAMPUNG



Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Ahad, 23 Oktober. - Calon tunggal bagi jawatan Penghulu Mukim Telisai, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin menerima sejumlah 773 undi setuju setelah diadakan Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Telisai pada Jumaat, 21 Oktober dan juga hari ini. Sementara itu, 44 undi adalah tidak setuju dan 12 undi rosak.

Majlis diteruskan lagi pada hari ini, turut menyaksikan calon Ketua Kampung Bukit Beruang dan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang (Asal), Awang Moksin bin Haji Moktar menerima 349 undian setuju, dibandingkan dengan satu undi tidak setuju dan dua undi rosak.

Majlis Pengundian dan

Beliau berusia 53 tahun dan pada ketika ini bertugas sebagai Imam Tingkat IV di Jabatan Hal Ehwal Masjid serta memangku jawatan Ketua Kampung Bukit Beruang dan RPN Bukit Beruang (Asal).

Calon Ketua Kampung RPN Bukit Beruang Kawasan 3, Awang Azman bin Haji Ismail pula menerima 106 undian setuju, tanpa ada undian tidak setuju dan undi rosak.

Beliau berusia 49 tahun dan merupakan Pemangku Ketua Kampung RPN Bukit Beruang Kawasan 3. Pengundian menggunakan kaedah kertas undi (*ballot papers*) dan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK.

Turut hadir pada majlis

Pemilihan Calon Penghulu Mukim Telisai, Calon Ketua Kampung Bukit Beruang dan RPN Bukit Beruang (asal) dan Calon Ketua Kampung RPN Bukit Beruang Kawasan 3 tersebut telah berlangsung secara serentak di Dewan Kemasyarakatan RPN Bukit Beruang.

Keputusan Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Telisai, Ketua Kampung Bukit Beruang dan RPN Bukit Beruang (Asal) dan Ketua Kampung RPN Bukit Beruang Kawasan 3 akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.



SUASANA Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Telisai, Calon Ketua Kampung Bukit Beruang dan RPN Bukit Beruang (asal) dan Calon Ketua Kampung RPN Bukit Beruang Kawasan 3 (kiri, atas dan bawah).



tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Amirul Hadi bin Haji Md. Tajudin selaku Pengerusi Majlis.

Turut hadir, Pegawai Kanan

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung di bawah Mukim Telisai bersama penduduk kampung.

Pemenang Pertandingan Mencipta Poster Digital, Video Dakwah terima hadiah



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada salah seorang pemenang.

Oleh : Marlina Waty Hussin
Foto : Mohd.Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Oktober. - Majlis Pengumuman dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Mencipta Poster Digital dan Video Dakwah, bertemakan 'Rasulullah Teladan Hidup', diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Pertandingan yang julung kalinya dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama

Kumpulan Belia Masjid Senegara itu dibuka kepada belia, berumur 15 tahun hingga 35 tahun serta dijalankan melalui aplikasi media sosial Instagram.

Pertandingan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori Mencipta Poster dan Kategori Mencipta Video.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Dayang Hanisah Syahirah binti Haji Haminuddin dan Mohammad Azali Waliuddin bin Haji Azrini, masing-masing memenangi tempat pertama bagi Kategori Poster dan Video.

Manakala, Awangku Md. Ammarul Amsyar bin Pengiran Haji Marjuki memenangi tempat kedua bagi Kategori Poster; dan Aiman Rosli serta Julaihi Puasa bagi Kategori Video.

Sementara itu, tempat ketiga diraih oleh Dayang Nurul Nazihah binti Haji Mohamad bagi Kategori Poster dan Kategori Video pula dimenangi oleh Dayang Nurul Asyikin binti Haji Abd. Rahman, Dayang Hanisah Hannah binti Mohd. Sufri dan Dayang Siti Nursaidatul Syafiqah binti Muhammad Rosland.

Poster dan video yang dipertandingkan hendaklah menyerlahkan bakat serta kreativiti peserta, dalam menyampaikan ilmu yang bermanfaat kepada orang ramai.

Antara tujuan pertandingan diadakan ialah untuk mengajak para belia mengamalkan Sunnah-sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan sehari-hari.

Selain itu, pertandingan seperti ini juga diharap dapat menyebarkan ilmu bermanfaat melalui pelbagai media dan mencungkil bakat serta kreativiti para belia, dalam mencipta video dan poster.



كمترین کواغن دلن ایکونومی
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM

JEMPUTAN UNTUK KOMEN AWAM BAGI DERAF PIAWAI SOS CILI

TARIKH TUTUP: 15HB DISEMBER 2022

PBD XX:2022

BRUNEI STANDARD FOR CHILI SAUCE

Piaawai ini digunakan untuk produk sos cili bagi penggunaan langsung, termasuk untuk tujuan catering atau untuk pembungkusan semula, jika diperlukan. Ini tidak termasuk sos cili yang akan digunakan untuk pemprosesan lanjut. Piaawai ini juga ditubuhkan sebagai garis panduan untuk piawaian industri bagi pengeluaran sos cili di Negara Brunei Darussalam, yang selaras dengan Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggal 182), (Pindaan) 2020, dan Peraturan-Peraturan dibawahnya dalam penentuan kualiti bahan mentah, bahan tambahan makanan, kontaminan, kebersihan, pembungkusan, label serta Analisa bagi produk makanan yang telah dinyatakan. Pihak yang berminat dan/atau sektor boleh menghantar komen mereka melalui

<https://www.mofe.gov.bn/SitePages/Public%20Comment.aspx>

IMTS, Julai 2022 catat peningkatan

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN,

Sabtu, 22 Oktober. - Jumlah perdagangan meningkat sebanyak 36.6 peratus daripada BND2,200.2 juta pada Julai 2021, kepada BND3,004.7 juta pada bulan Julai 2022, dengan penurunan sebanyak 7.4 peratus berbanding kepada bulan Jun 2022.


Jumlah eksport meningkat sebanyak 38.7 peratus daripada BND1,361.6 juta pada bulan Julai 2021, kepada BND1,888.3 juta pada bulan Julai 2022. Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan eksport bahan api galian daripada BND1,017.7 juta kepada BND1,567.2 juta dalam tempoh yang sama. Di samping itu juga, eksport bahan kimia meningkat daripada BND252.1 juta kepada BND287.9 juta dalam

tempoh yang sama.

Perkara itu, dinyatakan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam Perangkaan Perdagangan Barang Antarabangsa (IMTS) bagi Bulan Julai 2022 yang dikeluarkan pada hari ini.

Peningkatan eksport bahan api galian didorong oleh peningkatan nilai eksport minyak mentah, gas cecair asli (LNG) dan produk petroleum. Peningkatan eksport minyak mentah terutamanya disebabkan oleh peningkatan harga purata sebanyak 57.8 peratus daripada USD75.79 setengah kepada pada bulan Julai 2021 kepada USD119.62 setengah pada bulan Julai 2022.

Manakala peningkatan eksport



	Harga (USD)		Perubahan Julai 2022 / Julai 2021 (%)
	Julai 2021	Julai 2022	
Minyak mentah (setong)	75.79	119.62	57.8
Gas Cecair Asli (Per MMBtu)	9.39	13.93	48.3

gas cecair asli adalah disebabkan oleh kenaikan jumlah isi padu eksport dan harga purata masing-masing sebanyak 29.7 peratus dan 48.3 peratus. Bagi eksport produk petroleum, ia telah mencatatkan peningkatan daripada BND455.9 juta kepada BND706.5 juta, yang mana komoditi utama adalah bahan api diesel automotif.

Dari segi komoditi eksport, bahan api galian merupakan penyumbang utama kepada eksport Negara Brunei Darussalam iaitu 83.0 peratus, diikuti dengan bahan kimia (15.2 peratus) dan barang-barang keluaran kilang (0.6 peratus).

Pasaran eksport utama pada bulan Julai 2022 adalah Australia dengan 27.0 peratus, diikuti oleh Jepun (16.8 peratus) dan Republik Rakyat China (12.8 peratus). Komoditi eksport terbesar ke negara Australia dan Jepun adalah bahan api galian, manakala ke Republik Rakyat China adalah bahan kimia.

Manakala jumlah nilai import meningkat daripada BND838.6 juta pada bulan Julai 2021 kepada BND1,116.4 juta pada bulan Julai 2022, terutamanya disebabkan oleh peningkatan import bahan api galian.

Lima komoditi import utama pada bulan ini adalah bahan api galian dengan 73.6 peratus diikuti oleh jentera dan kelengkapan pengangkutan (9.3 peratus), makanan (5.0 peratus), bahan kimia (4.2 peratus) dan barang-barang keluaran kilang (3.7 peratus).

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia dengan 20.9 peratus, diikuti oleh Qatar (13.3 peratus) dan Iraq (12.3 peratus) dengan komoditi import terbesar adalah bahan api galian.

Kebanyakan import negara iaitu sebanyak 59.0 peratus adalah digunakan sebagai barang perantaraan bagi pemprosesan diikuti oleh barang modal (38.2

peratus) bagi operasi perniagaan dan barang penggunaan (2.8 peratus) bagi kegunaan isi rumah.


Pengangkutan melalui laut menyumbangkan bahagian tertinggi bagi kedua-kedua eksport dan import berjumlah BND2,888.2 juta atau 96.1 peratus. Ini diikuti oleh pengangkutan udara

(BND91.6 juta atau 3.0 peratus) dan melalui darat (BND24.8 juta atau 0.8 peratus).


Laporan Perangkaan Perdagangan Barang Antarabangsa bagi bulan Julai 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di deps.mofe.gov.bn.

	Jumlah Isipadu Eksport		Perubahan Julai 2022 / Julai 2021 (%)
	Julai 2021	Julai 2022	
Gas Cecair Asli (Per MMBtu sehari)	649,593	842,677	29.7

Peratus Taburan Eksport Mengikut Rakan Dagangan



Lima Komoditi Import Utama



'LIVING FOSSIL' DITEMUKAN DI NBD

Siaran Akhbar dan Foto: Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Oktober. - Pembantu kajian lapangan Universiti Brunei Darussalam (UBD) tidak menjangka akan menemukan *living fossil* semasa berada di Temburong.

Borneo Earless Monitor (*Lanthanotus borneensis*) adalah sejenis biawak endemik Borneo yang jarang ditemui, satu-satunya spesies yang diketahui dalam keluarga *Lanthanoidae*, spesies biawak purba.

Borneo Earless Monitor adalah spesies haiwan monitor tanpa telinga yang mampu mendengar, walaupun ia tidak mempunyai telinga luaran yang boleh dilihat. Sama seperti ular, haiwan berkenaan mempunyai lidah bercabang yang digunakan untuk menghidu makanan mereka.

Setakat ini, haiwan bersaiz kecil berkenaan hanya boleh ditemui di kawasan tanah rendah pantai utara Sarawak dan Kalimantan Barat.

Ini adalah kali pertama spesies biawak berkenaan ditemui di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Haiwan ini pertama kali ditemui pada tahun 1878 di Kuching, Sarawak. Dianggarkan haiwan berkenaan telah wujud sejak pertengahan Cretaceous atau 100 juta tahun.

Living fossil berkenaan kini disahkan dijumpai di NBD oleh Justin Jeffrey dan Jerry Wong.

Menempuh keadaan cuaca ribut petir berserta hujan yang lebat untuk mencari reptilia pada 4 Oktober 2022, mereka menemui spesies biawak tanpa telinga


hutan primer di Ulu Temburong yang sedang berpaut pada akar pokok berhampiran aliran deras.

Penemuan ini menyerlahkan lagi nilai impak berterusan Fakulti Sains (Faculty of Science-FOS) UBD dan Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (Institute of Biodiversity and Environmental Research-IBER) dalam sains dan pemuliharaan.

"Ini mungkin penemuan reptilia terbesar yang ada di NBD," kata Profesor Dr. Ulmar Grafe dari FOS, yang pakar dalam kajian amfibia dan reptilia.

Spesies biawak berkenaan adalah haiwan yang dilindungi sepenuhnya oleh Akta Hidupan Liar Brunei 1984 kerana usaha pemuliharaan Unit Hidupan Liar di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Diharapkan agar spesies haiwan terancam yang lain



BORNEO Earless Monitor adalah spesies haiwan monitor tanpa telinga yang mampu mendengar, walaupun ia tidak mempunyai telinga luaran yang boleh dilihat.

seperti Tenggiling Sunda, juga akan dilindungi sepenuhnya dengan memasukkannya dalam Akta Hidupan Liar yang sudah dikemas kini.

Perdagangan hidupan liar adalah

menyalahi undang-undang dan ia merupakan satu kesalahan yang serius serta masyarakat seharusnya lebih prihatin agar haiwan berkenaan tidak pupus buat selamanya.

RTB TANDATANGANI PERJANJIAN TAJAAN BINTANG HARMONI 2022



■ Siaran Akbar dan Foto : Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 22 Oktober. - Majlis Menandatangani Perjanjian Tajaan bagi Pertandingan Akhir

Bintang Harmoni 2022 diadakan hari ini bertempat di Bangunan Utama, Kompleks Penyiaran Radio Televisyen Brunei (RTB)



SUASANA Majlis Menandatangani Perjanjian Tajaan bagi Pertandingan Akhir Bintang Harmoni 2022 diadakan di Bangunan Utama, Kompleks Penyiaran Radio Televisyen Brunei (RTB) Sungai Akar (kiri dan atas).

Sungai Akar.

Bagi menandatangani perjanjian, RTB diwakili oleh Pemangku Pengarah, Awang Cheong Chee

Keong, manakala syarikat-syarikat penaja, iaitu Awinco Sdn. Bhd. - Jaquar World Brunei; Restoran Raziqin; Radisson Hotel Brunei

Darussalam; Syarikat Khadeejah Towards Modesty; dan Saycheese Event Management diwakili oleh Pengurus atau wakil syarikat masing-masing.

Bintang Harmoni sebelum ini dikenali sebagai Bintang Radio.

Pertandingan yang mula dianjurkan pada tahun 1960 berkenaan merupakan salah satu daripada pelbagai usaha berterusan RTB untuk mendukung industri seni tanah air dan mengangkat pelbagai bakat tempatan.

Pada tahun ini, seramai 10 peserta telah terpilih untuk bertanding pada peringkat akhir.

Pertandingan Akhir Bintang Harmoni 2022 akan berlangsung pada Sabtu, 12 November 2022, jam 8.00 malam bertempat di Jerudong Park Amphitheatre.

Orang ramai adalah dialu-alukan hadir menyaksikan dan memeriahkan lagi malam pertandingan.

Siaran langsung pertandingan boleh diikuti melalui saluran RTB Aneka dan RTBGo, termasuk rangkaian radio Harmoni FM.

Kongsi pengalaman penyelesaian pertikaian



ANTARA peserta yang menyertai sesi World Café semasa bergambar ramai.

■ Siaran Akbar dan Foto : Pusat Timbangtara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 22 Oktober. - Dalam usaha membolehkan perkongsian pandangan dan berinteraksi

dengan sebilangan besar individu yang merangkumi pelbagai profesional daripada sektor kerajaan dan swasta berlatar

belakang yang berbeza termasuk pengamal undang-undang, sivazah, NGO belia, sektor pembinaan, persatuan-persatuan serta pihak berkepentingan penyelesaian pertikaian, satu sesi

World Café telah dianjurkan oleh Pusat Timbangtara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Arbitration Centre - BDAC) pada hari ini di Pejabat BDAC, Aras 8, Blok 2D, Simpang 156, Jalan

Kumbang Pasang.

Dialog terbuka berkenaan mencerminkan secara mendalam tentang pengalaman penyelesaian pertikaian kepada setiap individu dan masyarakat secara keseluruhan pada masa yang lalu, kini dan masa depan.

Aliran proses melalui mahkamah (litigasi) merupakan mekanisme penyelesaian pertikaian yang lazim diguna pakai di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan dalam penggunaan kaedah penyelesaian pertikaian secara alternatif, terutamanya melalui kaedah timbang tara (*arbitration*) dan pengantaraan (*mediation*).

Berasaskan berkenaan, terdapat unsur-unsur perubahan global untuk menggunakan penyelesaian pertikaian secara alternatif selain mahkamah.

Dengan itu, tujuan sesi berkenaan akan membuka perbincangan bagi menerokai sejarah penyelesaian pertikaian di NBD yang dapat dipelajari, serta mengkaji pelbagai cabaran pada masa akan datang.

BDAC berharap World Café berkenaan akan dapat membuka minda dan menerokai pelbagai idea yang berkaitan dengannya.

Sesi berkenaan akan dapat menggalakkan perbincangan terhadap pembangunan dan pengumpulan pelbagai idea yang berinovatif dan bernalas ke arah arus pendanaan mekanisme penyelesaian pertikaian secara alternatif.



SESI World Café yang dianjurkan oleh Pusat Timbangtara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Arbitration Centre - BDAC) (kiri sekali dan kiri).

سروال سری

صدقه عمالن ترفو جي

هرتان برکورغ، مربیک سینبرن برادا دالم کروکین يغ بوكن سدیکیت تناfi ساغتلله بسر.

این کران دعن برصدقه کیت بوله منعمتی کنجارن يغ بکیتو باق دعن موده دان بریشت کندا دری اف يغ تله کیت کلوارکن، مك ریوتله قلواع کامسان این. سسغکوہن برصدقه ایت اومقام سوات فلاپورن يغ تیدق اکن معالی کروکین والو سدیکیتیون، بهکن ای اداله ساغه مغاونوغکن.

جماعه يغ درجمی الله، الحمدله، قد کیلک این فرخدمعن فسانن ریگکس (SMS) تابوغ دانا باکی فمیبان مسجد نکارا بروني دارالسلام تله دبوکاکن کفڈ اورغ رامي مولاي ۱۴ مج ۲۰۲۲ يغ الو هیگک ۱۳ دسمبر ۲۰۲۲.

فرخدمعن فسانن ریگکس (SMS) این میری قلواع کفڈ اورغ رامي خصوصن اومة إسلام دنکارا این باکی مغافنگکن دان میلنجاکن هرتا دعن نیه سیاکی عبادة دان ملیقتکنداکن عمل کباجینن سمات-مات باکی مرایه کنجارن فهلا يغ دجنجیکن اوله الله سبحةةوتعال.

سسغکوہن فمیبان مسجد مروفاکن ساتو عبادة يغ بسر فهلان. جوسترو، سکل سویعن میریاکی دان میبینا باغون مسجد مروفاکن ساتو فلاپورن عمل اتو ساهم اخیرا. فرکارا این سلارس دعن سیدا رسول الله ﷺ. درقد جابر بن عبد الله رضیتکنها، سسغکوہن رسول الله ﷺ. برسبیدا:

مقصودن:
سیاف يغ میبینا مسجد کران الله سکالیقون هان سقرت سارغ بوروغ اتو لیبه کحیل ملک الله اکن میبینا انتون رومه ددام شرك. {حدیث روایة امام ابن ماجه}

آخرن، موده-مودهن سکل يغ کیت صدقهکن دان إنفعکن دعن تولوس اخلاص دریما اوله الله سبحةةوتعال دان موده-مودهن دعن يغ دعکین کیت اکن منداة کریسان، کرکن دان رحمة يغ برفعجاعن درقد الله سبحةةوتعال. آمین يا رب العالمین.

تفسیرن:
فرأو مقمان اورغ-اورغ يغ میلنجاکن هرتا مربیک قد جالن الله سامله سقرت (منام) سیچی بنه يغ مینوبوهکن توجوه تغکی، تیش-تیش ساتو تغکی قول مقاتلوغی سراتوس بیحی. دان الله اکن مغندکن فهلا باکی سیاف يغ دکھنیون. دان الله مها لواس (رحمه دان لیعنه کورنیان) لاکنی مها مغیهوی. {سوره المقرة آیة: ۲۶۱}

بازک الله لئا في القرآن العظيم، وَتَقَعَّدَ بِالْأَيَّاتِ وَالْأَكْثَرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ بِنَا بِالْأُوْلَئِنَهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيَرْكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِنْجَاهِ التَّائِبِينَ.

سبلوم کماتن داتع کفڈ ساله ساورغ درقد کامو لالو دي فون برکات. "يا توهنکو! الفکه باکن کالو اغکو تغکوهکن کماتنکو هیقک برواف وقو لاكی سقای اکو دافت برصدقه دان اکو ترماسوق دالم کولوشن اورغ-اورغ صالح."

جماعه يغ درجمی الله، أکام کیت مغلکالکن اومن انتوق سنتیاس برصدقة. میباساکن دری دعن برصدقه اداله کوچی اوتام دفلواسکن رزقی اوله الله سبحةةوتعال. این کران سماکن باق واغ، هرنا، علمو اتوفون خدمه يغ دصلقکن مك اکن برتبهله رزقی يغ دکورنیاکن اوله الله سبحةةوتعال کفڈ کیت.

سسغکوہن فهلا دان کاوتامان برصدقه ایت ساغه بسر دان باق. این جلس تربوقی دعن باق دلیل دری القرآن دان حدیث رسول الله ﷺ. يغ باق مبوبتکن تتنع کنجارن دان کلیبین برصدقة، انتاران:

قرتام: مندیندیغ دری درقد افی نراک. درقد عدی بن حاتم رضیتکنها، اکو مندغور رسول الله ﷺ برسبیدا:

جماعه يغ درجمی الله، رزقی اداله انتارا فرکارا يغ منجادی رهسیا الله سبحةةوتعال. تیدق اد سسشورغ فون دنیا يغ فانا این مغتهوی تتنع رزقی يغ دکورنیاکن الله سبحةةوتعال کفدن سام اد باق اتوفون سدیکیت. نامون، اف يغ فسی ایاله سیف مخلوق يغ هیدوف دأتس موک بومی این تله دجامین رزقین اوله الله سبحةةوتعال.

جماعه يغ درجمی الله، رزقی اداله انتارا فرکارا يغ منجادی رهسیا الله سبحةةوتعال. تیدق اد سسشورغ فون دنیا يغ فانا این مغتهوی تتنع رزقی يغ دکورنیاکن الله سبحةةوتعال کفدن سام اد باق اتوفون سدیکیت. نامون، اف يغ فسی ایاله سیف مخلوق يغ هیدوف دأتس موک بومی این تله دجامین رزقین اوله الله سبحةةوتعال.

جماعه يغ درجمی الله، رزقی اداله انتارا فرکارا يغ منجادی رهسیا الله سبحةةوتعال. تیدق اد سسشورغ فون دنیا يغ فانا این مغتهوی تتنع رزقی يغ دکورنیاکن الله سبحةةوتعال کفدن سام اد باق اتوفون سدیکیت. نامون، اف يغ فسی ایاله سیف مخلوق يغ هیدوف دأتس موک بومی این تله دجامین رزقین اوله الله سبحةةوتعال.

جماعه يغ درجمی الله، سسغکوہن رزقی این تیدق هان منجروس قد واغ ریغکیت سمات- مات تناfi فثرتین امت لواس سکالی دان سیف مانسی ایت دکورنیاکن رزقی دعن بتوق يغ بریلدا-بینا انتارا ساتو سام لاین.

فرلو دکتهوی، بهوا صیحت تویوه بادن ایت اداله رزقی، مغوریایی کلوارک يغ بهکیا ایت رزقی، دکورنیاکن اتفی ایت جوک رزقی، مغوریایی تفیق ایت رزقی، دکلیلیتی اوله اورغ يغ بایک-بایک ایت جوک اداله ساتو رزقی.

جماعه يغ درجمی الله، حقيقةن الله سبحةةوتعال منجادیکن کیت سموا اورغ يغ کای دعن رزقی بیغ ترسندری، نامون ترکادغ کیت سندری ساکن-اکن تیدق کفکن کحالن کورغ مبارین، این کران کیت سلالو مراسکن بهوا رزقی ایت هان دالم بتوق واغ ریغکیت دان ماتیریال سهاج.

جماعه يغ درجمی الله، افیل الله سبحةةوتعال میری کیت هرتا دان رزقی يغ لیبه، ای بوکنله انتوق کیت برمهکه ۲ دان میواه بربلنچا، اکن تناfi انتوق کیت لیبه میری. این کران دالم سیف رزقی اتو هرتا يغ کیت فرأولیهی ایت تردافه جوک حق اورغ لاین دالم.

رزقی هرتا يغ کیت فرأولیهی بوکن هان دکورنیاکن انتوق کفتیغن دری کیت سندری اکن تناfi ایت جوک بوله دمنفعکن اتو دلیفکن کحالن بیغ دریضاي الله سبحةةوتعال بیات دعن جارا برصدقة، مندرما، مغلوارکن زکاة، بروقق دان سامو مقمان.

دالم اکام إسلام، کیت امت دکالکن انتوق برصدقه دان بتتو-میبتتو انتارا ساتو سام لاین. آنخورن میلنجاکن هرتا دجالن الله سبحةةوتعال داد جلسکن دالم القرآن سیاکیمان فرمانن دالم سورة المناقوفون آیة: ۱۰:

جماعه يغ درجمی الله، دکالکنله سیهاکن درقد رزقی يغ کامی کورنیاکن کفڈ کامو


**JABATAN BANDARAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan :
JBBSB / SH / 2022-2023 / 30 / UP

Tajuk Sebut Harga :
TWO (2) YEARS TERM
CONTRACT FOR DESLUDGING
AND CLEANING OF GREASE
TRAP AND WASTE PIPE
SYSTEM AT TAMU SALERA,
JALAN DATO TAIB,
BANDAR SERI BEGAWAN

Hari, Tarikh dan Jam Tutup :
Khamis, 24 November 2022
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga :
19 / DBP / SH / 2022-2023

Nama Dokumen Sebut Harga :
Mencetak Buku Terbitan Dewan
Bahasa Dan Pustaka,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

Tarikh Tutup :



Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q20

Tajuk Sebut Harga :
Invitation to supply and delivery
of A3 Printer and Scanner for
Ministry of Development

Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q21

Tajuk Sebut Harga :
Invitation to supply and delivery
of APPLE Macbook and
Accessories for Ministry of
Development

Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q23

Tajuk Sebut Harga :
Invitation to supply, delivery,



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Rancangan Pemakanan Sekolah

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 175 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga :

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi : Sekolah Rendah Saba Darat 'B' Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Kod Blok : SM/05

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 176 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Bengkurong
2. Sekolah Rendah Junjongan
3. Sekolah Rendah Pengkalan Batu Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Bagi Tempoh Lima (5) Bulan Kod Blok : SM/21

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 177 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Mulaut
2. Sekolah Rendah Awang Haji Mohd Yusof, Kg. Katimahar Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Bagi Tempoh Empat (4) Bulan Kod Blok : SM/24

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 178 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga :

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi : Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Lambak, Jalan 10 Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Bagi Tempoh Lima (5) Bulan Kod Blok : SM/39

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 179 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Labi, Kampong Gatas Labi
2. Sekolah Rendah Merangking Daerah Belait Kementerian Pendidikan Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Kod Blok : SM/51

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 180 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi : Sekolah Rendah Pengkalan Tentera Laut, Muara Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Kod Blok : SM/61

Yuran Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 181 / 2022 / 2023
[BPPA-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Basah Bagi : Maktab Duli Pg Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Bagi Tempoh Dua (2) Bulan Kod Blok : AB/01

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 182 / 2022 / 2023

(STESEN PAM UTAMA DAN STESEN PAM SUBSIDIARI) DI DAERAH BELAIT BAGI TEMPOH 3 TAHUN.

No. Projek :
2022ADKB / B00411 /
002-003-003

Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Kelas :
III & IV SAHAJA

Kategori :
KA01 & M03 SAHAJA
(Kod Baharu)

Bilangan :
JKR / DBSKB 008 / 2022

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL BAGI OPERASI DAN PENYELENGGARAAN SISTEM VAKUM PEMBETUNGAN DI KAMPUNG LUMUT BAGI TEMPOH 3 TAHUN

No. Projek :



[BPPA-OKT-2022]



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 149 / 2022

Tajuk Tawaran :
TERM CONTRACT FOR ELECTRICAL MAINTENANCE WORKS AND EMERGENCY WORKS FOR JABATAN HAL EHWAL SYAR'IAH, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA (LAMA) FOR A PERIOD OF TWELVE (12) MONTHS.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Dikenakan bayaran)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 26 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

1. UNISSA / SB0036 / 2022 /
2023 -
TO SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING
AND MAINTENANCE OF
COMPUTER DESKTOP
FOR CENTRE OF RESEARCH
AND PUBLICATION,
UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI
(UNISSA)

2. UNISSA / SB0037 / 2022 /
2023 -
TO SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING AND
MAINTENANCE OF HIGH-END
MULTIMEDIA DESKTOP PC FOR
TECHNOLOGY AND
MULTIMEDIA CENTRE,
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
26 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Notis Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
4 / OKTOBER / 2022 / PSB /
PD.575

Tajuk Sebut Harga :
The Supply, Delivery And Installation Of Automatic Dehumidifier At Repository Room Brunei History Centre, Ministry Of Culture, Youth And Sports

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Isnin, 31 Oktober 2022,
Tidak lewat jam
2.00 Petang

JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
Q.JDT / 45 / 2022

Tajuk Tawaran :
SEBUT HARGA
BAGI PEMBEKALAN
VENDING MACHINE
SELAMA
36 BULAN

Bilangan Tawaran :
Q.JDT / 46 / 2022

Tajuk Tawaran :
SEBUT HARGA PENGURUSAN
DAN PENGENDALIAN
GERAI PASAR MALAM
SERI KENANGAN MUSIM KE-9
BAGI JABATAN DAERAH
TUTONG

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat pada
Isnin,
31 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
III & IV SAHAJA

Kategori :
KA01 & M03 SAHAJA
(Kod Baharu)

Bilangan :
JKR / DBSKB 007 / 2022

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL BAGI OPERASI DAN PENYELENGGARAAN STESEN PAM PEMBETUNGAN

2022 / ADKB / B00411 /
002-003-004

Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 25 Oktober 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 8 November 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang





**PUSAT DA'WAH ISLAMIYAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

Bilangan Sebut Harga :
(33) KHEU.PDI 300-001 JILID 26

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Mencetak Mashaf
Brunei Darussalam Dan
Tafsirannya Juz 3

Tarikh Tutup Sebut Harga :



Rabu,
9 November 2022
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran :
JKBD / 2020 / SH-31(R)

Tajuk Tawaran :
'The Refurbishment Of Staff
Room And Meeting Room At
Meteorological Forecasting
Services Unit, Operational'



Meteorological Section, BIA'

Tarikh Tutup :
Rabu,
26 Oktober 2022



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 23 / CQS /
2022 - T / II

Nama Projek :
PEMBINAAN STRUKTUR BAGI
PELETAKAN ARCA
NEGARA-NEGARA ASEAN DI
TAMAN PERSIARAN DAMUAN

Kelas :
III

Kategori :
[B01 & KA01 - KOD BAHARU]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
1 November 2022

Tarikh Tutup Tawaran Pada :
Selasa, 15 November 2022
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / 15 /
2022-2023

Tajuk Sebut Harga :
Membekal, Menghantar
dan Menguji Perkakas
dan Peralatan Bagi
Makmal Sains Sekolah
Ugama Arab Menengah
Perempuan Raja Isteri
Pengiran Anak Hajah
Saleha, Katok,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal
Ugama, Tahun
1443H-1444H /
2021M-2022M

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
30 Rabiulawal 1444H /
26 Oktober 2022M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

JAWATAN KOSONG SEBAGAI

**PENGHULU MUKIM
TINGKAT III - PMKK.4
(BND3,880.00 - BND4,240.00)**

BAGI

DAERAH TUTONG

Mukim Rambai

**Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah :**

Sabtu,
19 November 2022,
jam 4.00 Petang

Sebarang pertanyaan
bolehlah menghubungi
melalui talian
+673 4222491.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRM 12 / 2022

Nama Projek :
PAKEJ 5 - KERJA-KERJA
PENGUKUHAN DAN
PEMBAIKAN STRUKTUR
JAMBATAN,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Kelas :
V / VI

Kategori :
KA01

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran :**
12 Oktober 2022

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Tidak lewat Selasa,
22 November 2022,
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 November 2022,
Jam 2.00 Petang



Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 3 November 2022,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0025 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
'Upgrading Works Of The Main
Water Intake Pipeline Supply
System At Labi, Rampayoh
Freshwater Farm Site'

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2)
minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca juga menggunakan Microsoft
Word dengan Font ARIAL saiz 12.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan
apa-apa keperluan iklan berkenaan,
seperti tarikh dijangka terbit,
kekerapan terbitan untuk diiklankan
dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 8622969

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



جوالن سالینان كهبر ۲ دیكبيتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan
satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima
pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam
[laman galeri Infofoto \(www.infofoto.gov.bn\)](http://www.infofoto.gov.bn)
dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil
oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

TIMBA ILMU PERSEJARAHAN SECARA INTERAKTIF

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin

BANDAR SER BEGAWAN, Ahad, 23 Oktober. - Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja yang terletak di tengah ibu kota, Bandar Seri Begawan dan berlatarbelakangkan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, bukan sahaja berpotensi untuk menjadi hab sumber pengetahuan Industri Minyak dan Gas, tetapi juga sebagai platform bagi kegiatan kesenian ke arah mendukung pembangunan industri kreatif, di negara ini.

Pengurus Peluang Perniagaan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja / Pengarah Sumber Manusia, Syarikat Minyak Brunei Shell Petroleum (BSP) Sendirian Berhad, Dayang Hajah Zainab binti M.A. Omar meneckankan demikian semasa ditemu bual Pelita Brunei, pada Majlis Pembukaan Semula Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja (Bangunan Lama Kastam dan Eksais Diraja), di sini.

Menurutnya, Hab Tenaga Brunei direka bentuk menjadi sebuah pusat pendidikan yang interaktif bagi pelawat untuk menimba ilmu tentang persejarahan Industri Minyak dan Gas di Negara

Brunei Darussalam, di samping



PENGURUS Peluang Perniagaan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja / Pengarah Sumber Manusia, Syarikat Minyak Brunei Shell Petroleum (BSP) Sendirian Berhad, Dayang Hajah Zainab binti M.A. Omar.

memperingati suatu sejarah yang sangat terikat dengan persejarahan serta pertumbuhan negara.

Beliau menjelaskan, pusat tersebut bertujuan untuk menjadi sebuah hab yang utama untuk para pengunjung bagi mengetahui tentang kepentingan minyak dan gas, yang bukan hanya pada ekonomi, malah terhadap kehidupan sehari-hari, menerusi pameran interaktif yang dipaparkan, di tiga buah galeri.

Galeri 1, 'Masa Lalu Kita : Menjejaki Masa' tambahnya, memaparkan sejarah dan cara hidup di Negara Brunei Darussalam sebelum penemuan minyak dan gas, pada tahun 1929 hingga penerokaan pertama telaga minyak di negara ini, pada tahun 1899 serta impak penciptaan dan penemuan minyak, di rantau ini dan seluruh dunia.

Kemudian, Galeri 2, terangnya, memperkenalkan keadaan Industri Minyak dan Gas pada masa ini, termasuk sistem dukungan, *value chain* dan rangkaian nilai Industri Minyak dan Gas. Manakala, Galeri 3, 'Masa hadapan Kita : Pandangan Masa Hadapan Kita', pula menerokai teknologi baharu ke arah transformasi Industri Minyak dan Gas yang lebih mapan.

Sementara itu, Ketua Projek Galeri 1-3, Hab Tenaga Brunei Dermaga, Awangku Shamaizar bin Pengiran Shadan mengongsikan, di mana kawasan dermaga berkenaan menjadi saksi pada banyak peristiwa

sejarah sejak dari awal pembinaannya lagi.

Dermaga tersebut, katanya, digunakan bagi keberangkatan kerabat diraja dan pembesar dari dalam serta luar negeri dari awal tahun 1950-an.

Dermaga Diraja tersebut juga menjadi tempat acara 'Berjanuari' dianjurkan, iaitu acara lumba perahu yang berkenan disertai oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, seterusnya acara Regata Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh kerana sejarahnya yang amat istimewa dan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai penukaran nama Waterfront Bandar Seri Begawan



ke Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan, pada 1 Januari 2013, nama Dermaga Diraja ini, ujarnya,

adalah dikenakan.

Berikut itu, satu Memorandum Persefahaman, tambahnya, ditandatangani di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Syarikat BSP, pada 5 Mei 2021 untuk projek menaik taraf bangunan Kastam dan Eksais Diraja menjadi muzium interaktif minyak dan gas, yang akan diberi nama Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Bahkan projek itu, ucapnya, adalah kolaborasi di antara Syarikat BSP, Syarikat Brunei LNG Sdn. Bhd. (Brunei LNG), Syarikat Pemasaran Shell Sdn. Bhd. (BSM) dan Brunei Gas Carriers Sdn. Bhd. (BGC) bersama tiga kementerian, iaitu Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pembangunan dan KKBS.

Menurut Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Muzium-Muzium, Dayang Mariani binti Haji Abu Bakar, Bangunan Kastam dan Eksais Diraja diisytiharkan sebagai monumen bersejarah pada tahun 2006, di bawah Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam 1967, dikawal oleh Lembaga Muzium.

Sejariah pemulauan Bangunan Lama Kastam dan Eksais Diraja ini, terangnya, berkaitan dengan penubuhan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Ia bermula semasa pemindahan bangunan tersebut ke lokasi yang ada pada masa ini, iaitu pada tahun 1920, yang diperbuat daripada kayu dan apabila ia dibina menggunakan konkrit dalam tahun 1950.

Malahan, sejarah bangunan ini, tambahnya, berkait rapat dengan aktiviti dan operasi di Kawasan Dermaga Diraja ini, di mana ia merupakan tempat pelabuhan

utama bagi penumpang dan barang-barang import serta eksport melalui perjalanan laut.

"Sejarah awal menyatakan dermaga ini merupakan tempat menerima keberangkatan kerabat diraja dan pembesar-pembesar luar negara. Pada zaman dahulunya, para Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam juga bertolak dan tiba menggunakan dermaga ini," ujarnya.

Beliau seterusnya menerangkan, bangunan tersebut turut mengekalkan struktur asal bangunan lama, yang diwartakan dan ini, termasuklah tangga dan pagar yang masih kekal sama, di mana ia menunjukkan ciri-ciri asal bangunan.

Justeru itu, beliau berharap orang ramai akan berkunjung / melawat ke Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja untuk mengetahui lebih lanjut mengenai sejarah bangunan dan pameran yang disediakan.

Orang ramai bolehlah berkunjung ke Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, mulai hari ini, di mana waktu operasi adalah pada Isnin hingga Khamis, Sabtu dan Ahad, mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.



Bersama menjaga kebersihan alam sekitar



KUMPULAN Plocka dengan kerjasama daripada Ashabul Haliim mengadakan Kempen Kebersihan Pantai (*plogging*) di Pantai Muara (atas dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

MUARA, Ahad, 23 Oktober. - Dalam usaha untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan meningkatkan lagi akan kepentingan serta kesedaran dalam sama-sama menjaga kebersihan alam sekitar, hari ini, Kumpulan Plocka dengan kerjasama daripada Ashabul Haliim mengadakan Kempen Kebersihan Pantai (*plogging*) yang diadakan di Pantai Muara, di sini.

Kempen tersebut dikendalikan oleh 11 orang pelajar dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang terdiri daripada pelajar Kejuruteraan, Perniagaan dan Sains Digital di mana kempen tersebut merupakan sebahagian daripada projek mereka di bawah Undergraduate Degree Program.

Sehubungan itu, lebih daripada 75 peserta telah ikut serta dalam sama-sama menjayakan lagi



kempen tersebut di mana selain melakukan aktiviti fizikal seperti berjogging dan berjalan kaki, para peserta juga mengutip sampah di sepanjang melakukan aktiviti fizikal tersebut.

Sebelum kempen tersebut dijalankan, para peserta terlebih dahulu diberikan taklimat mengenai aspek keselamatan semasa berada di kawasan tersebut dan juga sebelum memulakan *plogging*.

Secara keseluruhannya, sebanyak 271kg sampah telah berjaya dikutip iaitu merangkumi sejauh 2km kawasan pantai

berkenaan di mana setiap beg sampah kemudiannya ditimbang dan dibahagikan mengikut kumpulan, iaitu 121kg adalah sampah umum (*general wastes*), 146kg adalah sampah plastik dan 4kg merupakan sampah berupa tin. Sisa dan sampah yang berjaya dikutip akan dihantar ke syarikat kitar semula.

Selain itu, dalam memeriahkan lagi kempen, turut diadakan beberapa aktiviti seperti aktiviti mencari harta karun yang dibukakan kepada semua peserta yang ikut serta, di mana para

peserta berpeluang untuk memenangi hadiah dalam bentuk baucar daripada penaja-penaja bagi menggalakkan lagi orang ramai untuk menyertai acara tersebut.

Matlamat dan objektif kempen kebersihan ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang perlindungan alam sekitar dan pencemaran marin dan juga menyumbang kepada kebersihan lautan dan pantai di Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya, kempen tersebut juga bermatlamat untuk mewujudkan kesedaran untuk gaya hidup sihat dan menyumbang kepada kitar semula sisa dan sampah di negara ini.

"Objektif kumpulan kami adalah untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan menyumbang akan kebersihan pantai khususnya di negara ini. Dari sinilah, kumpulan kami, Plocka datang dengan idea untuk mengadakan acara *plogging* membersihkan pantai dengan bantuan daripada Ashabul Haliim."

"*Plogging* merupakan aktiviti jogging sambil mengutip sampah, di mana ia sangat bersesuaian dengan objektif kumpulan kami," jelas Ketua Kumpulan, Awang Abdul Rahim bin Haji Shufian, pelajar kejuruteraan dari UBD.

TMARASAN MINGGUAN

PESERTA semasa memperdengarkan bacaan pada Pertandingan Membaca Al-Quran Berserta Tadabbur Bagi Muslimah Masjid Seluruh Negara Peringkat Akhir bersempena dengan Maulidur Rasul bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi.

- Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

MAJLIS Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Keriam diteruskan lagi bertempat di Dewan Silaturahim, Pusat Latihan Penjara Maraburong dengan menggunakan kaedah tablet (*offline voting*) dan kertas undi (*ballot papers*). - Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim.

ANTARA peserta yang menyertai Kursus Pasca Perkahwinan, dengan tema 'Iman Dikarihi, Keluarga Harmoni' yang dikendalikan oleh Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



GREEN Brunei dengan kerjasama Mitsubishi Corporation (Brunei Liaison Office) menganjurkan Kempen Kebersihan Sungai yang mengambil tempat di Kampung Sungai Siamas. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Asbas.

AKSI perlawanan DPMM FC lawan Jerudong FC, yang berkesudahan 8 - 0 dengan perlawanan berpihak kepada DPMM FC yang seterusnya mengesahkan kedudukannya ke pusingan suku akhir Piala FA Brunei 2022. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



LENSA Pelajar



Mantapkan pengalaman murid-murid pendidikan pra

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol

RUANG Lensa Pelajar keluaran bulan ini meninjau lebih dekat aktiviti yang dikendalikan oleh Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol, Kluster 3. Terletak di Kampung Menunggol, Daerah Brunei dan Muara, sekolah yang mempunyai keramaian 43 orang murid dan 12 orang guru serta di bawah pengawasan Guru Besar iaitu Awang Haji Mohammad Suazmie bin Haji Zulkifli, bergiat aktif melengkapkan murid-murid dengan aktiviti-aktiviti harian berbentuk konkrit. Komponen pengajaran dan pembelajaran yang diguna pakai oleh tenaga pengajar terlibat adalah menggunakan lima deria penting yang juga diberikan penekanan terhadap murid-murid yang terlibat.

Aktiviti

Salah satu aktiviti yang dikendalikan oleh sekolah ini ialah perkongsian pengalaman membuat sandwich (Roti Telor) yang melibatkan murid-murid Darjah Pra. Pada aktiviti yang diadakan di dalam bilik darjah itu, guru yang terlibat telah menunjuk ajar

cara-cara membuat makanan yang sering dijadikan menu sarapan pagi, dari segi bahan-bahan yang digunakan hingga cara-cara menyediakannya. Setelah siap penyediaannya, murid-murid berpeluang menikmati hasil hidangan yang telah mereka pelajari di sekolah.

Aktiviti seumpama ini sememangnya satu aktiviti yang sangat bermanfaat di mana melalui aktiviti tersebut secara tidak langsung akan memantapkan dan memperkembangkan lagi pengalaman murid-murid dalam kalangan pendidikan pra ketika berada di sekolah. Dengan adanya aktiviti seperti ini, sikap suka untuk pergi sekolah akan berkembang dan kukuh dalam kalangan murid-murid yang terlibat.

Ibu bapa

Melihat kepada sambutan pelbagai pihak, pihak sekolah amat bersyukur kerana aktiviti yang dikendalikan itu mendapat maklum balas positif, baik daripada pihak kakitangan serta guru-guru mahupun

ibu bapa dan penjaga murid-murid yang terlibat. Kerana melalui aktiviti yang dikendalikan seumpama ini sudah setentunya akan menjadi satu cerita atau perkongsian pengalaman setelah berada di rumah bersama dengan anak-anak mereka.

Dalam pada itu, pihak sekolah berharap aktiviti sedemikian akan digabungkan dengan pelaksanaan Blended Learning yang sudah pun mula dilaksanakan pada bulan Julai 2022 lalu.

Sambutan Maulidur Rasul

Selain aktif dengan aktiviti-aktiviti di dalam bilik darjah, Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol juga aktif mengadakan aktiviti di luar bilik darjah. Bersempena memperingati tarikh kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol telah mengadakan Sambutan Maulidur Rasul, yang dihadiri oleh tenaga-tenaga pengajar dan kakitangan sekolah berkenaan berserta murid-murid dan ibu bapa atau penjaga

mereka.

Majlis penuh keugamaan itu diselitkan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan diselajurkan dengan Sembahyang Sunat Hajat bagi murid-murid yang bakal menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun ini.

Laungan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam memeriahkan lagi majlis yang penuh keberkatan ini. Sememangnya, pada bulan Rabiulawal iaitu bulan kelahiran Nabi ini umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan selawat ke atas Baginda bagi mendapatkan rahmat dan syafaatnya. Melalui Majlis Sambutan Memperingati Kelahiran Nabi ini secara tidak langsung akan melatih murid-murid agar sentiasa berselawat ke atas Baginda. Semoga dengan adanya majlis perhimpunan yang melibatkan murid-murid dalam pendidikan sekolah rendah ini akan dapat meningkatkan rasa kasih dan sayang mereka terhadap Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah membawa sinar ketamadunan dalam kehidupan manusia.





Islam mengangkat darjat wanita

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan

WANITA sering kali dibayangkan sebagai golongan yang lemah. Juga dikenali sebagai kaum hawa, golongan ini dipandang rendah sebelum kedatangan agama Islam. Namun ajaran agama Islam yang dibawakan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah berjaya meletakkan martabat dan kedudukan wanita sebagai ibu, isteri dan anak diangkat tinggi darjatnya dan hak-hak mereka diberikan dengan sewajarnya seperti hak memiliki dan mengurus harta, mewarisi harta pusaka dan seumpamanya. Hal ini secara tidak langsung membawa perubahan yang amat besar dan sangat signifikan terhadap status wanita.

Memetik Khutbah Jumaat yang dibacakan di seluruh negara pada 26 Mac tahun lalu menyatakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda mengingatkan umatnya agar sentiasa berbuat baik terhadap kaum wanita. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Dan berpesanlah kepada wanita dengan kebaikan, kerana sesungguhnya dia diciptakan dari tulang rusuk dan bahagian yang paling bengkok adalah tulang rusuk yang paling atas, jika kamu berusaha untuk meluruskannya, nescaya akan patah, jika

kamu membiarkannya, dia akan sentiasa bengkok, maka berpesanlah terhadap wanita dengan kebaikan". (Hadis Riwayat Imam Muslim).

Baginda juga ada bersabda yang menyentuh mengenai harta bagi seorang lelaki iaitu wanita yang solehah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang bermaksud :

"Hendaklah kamu aku beritahukan tentang sebaik-baik harta seorang lelaki adalah wanita yang solehah. Apabila dia melihat kepadanya, dia akan menggembirakan, apabila dia memberi arahan kepadanya wanita itu taat dan apabila dia tidak berada di sisinya, wanita itu menjaga maruah dirinya".

Wanita di Negara Brunei Darussalam

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang sentiasa memeduli seluruh lapisan rakyatnya, termasuklah juga kaum wanita. Wanita di negara ini diberikan kemudahan ataupun keistimewaan yang sama dengan kaum lelaki tanpa adanya diskriminasi. Ini jelas terbukti dengan adanya program-program memperkasa kaum wanita, pemberian sumbangan tanpa mengira jantina, peluang yang sama dalam bidang kerjaya, pendidikan dan banyak lagi. Bagi wanita yang berkerjaya pula, mereka haruslah sentiasa ingat bahawa walaupun mereka itu adalah seorang pemimpin di

tempat kerja, akan tetapi tetap sentiasa mempertingkatkan diri dan mengimbangi antara kerjaya dan keluarga.

Perhimpunan Khas Wanita

Sementara itu, bersempena memperingati tarikh kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, golongan wanita di negara ini juga tidak melepaskan peluang untuk sama-sama merakaan hari penuh bersejarah dalam kalender Islam itu. Dalam hal ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam telah menganjurkan bersama Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah pada Sabtu lalu di Royal Berkshire Hall, Jerudong.

Dengan tema 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal dan Berdoa Menghadapi Ujian: Meraih Syafa'at Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam', Perhimpunan Khas diselitkan dengan Ceramah Khas yang antara lain mengenai kisah kehidupan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang boleh dijadikan inspirasi dan diteladani ketika menghadapi ujian. Bukan hanya ujian dilontar batu, diludah, diusir dan sebagainya, Baginda juga diberikan ujian kehilangan putera-putera Baginda di bawah usia dua tahun. Baginda juga diuji

kehilangan putera ke-3 Baginda iaitu Ibrahim. Di sebalik ujian demi ujian yang Baginda hadapi, Kekasih Allah itu masih juga mengatakan bahawa lidah tidak akan pernah berkata kecuali apa yang direday oleh Allah Subhanahu Wata'alaa.

Mengambil ikhtiar dari sifat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu jelaslah bahawa kehidupan seorang Mukmin akan selalu berada di antara dua keadaan iaitu mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'alaa atau bersabar dengan ujian yang Allah berikan. Dan seperti sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kedua-duanya adalah baik baginya.

Contohi Rasulullah

Kaum hawa di negara ini hendaklah mensyukuri akan nikmat keselesaan hidup di bumi Darussalam ini. Bagi wanita yang berugama Islam, tingkatkanlah keimanan dengan menjadikan isteri-isteri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang digelar 'Ummahatul Mukminin' iaitu ibu kepada orang-orang beriman. Manakala golongan lelaki pula hendaklah mencontohi cara Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyantuni dan mengangkat martabat wanita. Sayangi dan lindungilah kaum wanita. Angkatlah martabat mereka sebagaimana yang telah ditetapkan dalam agama Islam.



GALAK BELIA DALAM AKTIVITI BERKEBAJIKAN



KETUA Kampung Penabai dan Kuala Tutong, Muhammad Sofiyuddin bin Mohd. Serudin menyampaikan bantuan kepada keluarga Dayang Siti Hajar binti Abdullah semasa Program Amal Belia tersebut.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Sabtu, 22 Oktober. - Kediaman seorang warga emas di Kampung Penabai, Jalan Kuala Tutong hari ini menjadi destinasi untuk Program Amal Belia anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Cawangan Tutong bagi tujuan penyerahan sumbangan.

Program Amal Belia bertujuan untuk menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti kemasyarakatan bagi mendorong belia agar sentiasa bersemangat dan prihatin dalam kerja-kerja yang berkebajikan.

Hadir bagi menyerahkan

sumbangan berupa barang keperluan dapur tersebut ialah Ketua Kampung Penabai dan Kuala Tutong, Muhammad Sofiyuddin bin Mohd. Serudin.

Warga emas berusia 73 tahun, Dayang Siti Hajar binti Abdullah tinggal bersama anak lelaki dan menantu beliau serta dua orang cucu.



SEBAHAGIAN belia yang menyertai Program Amal Belia melakukan kerja-kerja kemasyarakatan bagi pemilik rumah Dayang Siti Hajar di Kampung Penabai, Jalan Kuala Tutong.

Selain menerima sumbangan makanan, pekarangan rumah beliau juga dibersihkan sebagai salah satu kerja kemasyarakatan yang terkandung dalam program amal berkenaan.

Program merupakan projek tahunan anjuran Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan yang dikendalikan oleh JBS, Cawangan Tutong bagi menyahut Dasar Belia dan Strategik Negara yang melibatkan belia ke arah kecemerlangan dengan melibatkan diri dalam kerja-kerja kemasyarakatan dan keagamaan.

Operasi Sejahtera : Pastikan Perintah Pekerjaan, 2009 dipatuhi

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Oktober. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh semasa menjalankan Operasi Sejahtera 168/2022 di Kampung Gadong baru-baru ini (atas dan bawah).



menjalankan Operasi Sejahtera 168/2022 di Kampung Gadong baru-baru ini, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kgiatan pembuangan sampah di kawasan Kampung Gadong pada 18 Oktober lalu mendapati sebanyak dua kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan oleh majikan, iaitu tidak menyediakan tempat tinggal yang teratur dan penempatan tempat tinggal pekerja tidak selaras dengan Lesen Pekerja Asing.

Tempat tinggal pekerja berhampiran dengan pembuangan sampah dan keadaan bilik yang sempit dan

tidak selesa.

Sehubungan itu, majikan adalah dipercayai telah melakukan kesalahan di bawah Bab 80, iaitu gagal menyediakan tempat tinggal yang bersih, selesa dan selamat.

Majikan juga dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 112 (02) melanggar syarat Lesen Pekerja Asing.

Bagi kedua-dua kesalahan berkenaan jika sabit kesalahan, majikan yang menggaji boleh dikenakan denda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua.

Majikan juga telah diarahkan untuk memindahkan pekerja berkenaan di tempat yang selaras dengan piawaian tempat tinggal

Jabatan Buruh dengan segera.

Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada para majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan juga adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk makluman lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh melalui talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Lazimi Zikir Dalam Kehidupan Seharian'. Tarikh Tutup : 26 Oktober 2022
2. 'Kesihatan Mental Harus Diberi Perhatian'. Tarikh Tutup : 2 November 2022
3. 'Kukuhkan Institusi Keluarga Dengan Acuan Islam'. Tarikh Tutup : 9 November 2022

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND'75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Oktober. - Pusat Bahagia Cawangan Daerah Tutong, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah mengadakan Peraduan Membaca Al-Quran dan Ayat-ayat Lazim Pelatih Orang Kelainan Upaya (OKU) Pusat-pusat Bahagia seluruh negara.

Peraduan berkenaan dianjurkan bersamaan dengan Sambutan Maulidur Rasul bagi Tahun 1444 Hijrah yang melibatkan para pelatih dari Pusat-pusat Bahagia di keempat-empat buah daerah.

Hadir bagi menyempurnakan majlis berkenaan, Pegawai Pentadbir Tingkat Khas, JAPEM, Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim, diselajurkan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Sebanyak tiga kategori OKU dipertandingkan, iaitu Kategori OKU Intelek; Anggota; dan penglihatan.

Peraduan berkenaan juga dibukakan bagi penyertaan pelatih lelaki dan perempuan, dan seramai 17 peserta mengambil bahagian pada peraduan berkenaan.

Antara tujuan peraduan berkenaan diadakan adalah bagi menampilkan para pelatih OKU yang berbakat dalam pelbagai bidang di samping dapat mencungkil bakat mereka dalam pembacaan Al-Quran.

Selain itu, ia juga merupakan salah satu aktiviti keugamaan Pusat Bahagia bagi melahirkan

CUNGKIL BAKAT PEMBACAAN AL-QURAN PELATIH OKU



PEGAWAI Pentadbir Tingkat Khas, JAPEM, Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim bergambar ramai bersama para pemenang.

para pelatih OKU yang boleh membaca Al-Quran dengan lancar dan sempurna.

Dengan adanya penganjuran yang berkebajikan berkenaan,

ia diharapkan akan dapat meningkatkan hubungan silaturahim antara para pelatih OKU di Pusat-pusat Bahagia JAPEM seluruh negara.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

Majlis juga diserikan dengan para pelatih OKU dari Pusat persembahan nasyid daripada Bahagia Brunei-Muara.

Operasi Sepadu terus aktif dipertingkatkan



HASIL daripada pemeriksaan daripada lokasi sasaran menemukan sejumlah barang-barang tegahan berupa rokok (kiri dan bawah).

Kampung Rambai.

Hasil daripada pemeriksaan daripada lokasi sasaran menemukan sejumlah barang-barang tegahan berupa rokok. Kesemua barang telah dirampas dan suspek akan berdepan dengan kesalahan di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais 2006.

Operasi tersebut merupakan usaha berterusan agensi penguatkuasa undang-undang di Daerah Tutong dalam sama-sama mengambil tindakan yang serius dalam objektif utama membanteras jenayah dan kegiatan yang menyalahi undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

Sebanyak tiga buah rumah kediaman telah menjadi lokasi sasaran operasi berkenaan iaitu kawasan Kampung Lamunin, Kampung Menengah dan juga



■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TUTONG, Ahad, 23 Oktober. - Bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan dijalankan dengan berkesan, kolaborasi di antara agensi penguatkuasa undang-undang di negara ini telah mengadakan Operasi Sepadu yang mensasarkan ke beberapa lokasi rumah kediaman di kawasan tадahan Daerah Tutong.

Operasi Sepadu yang dikendalikan baru-baru ini, melibatkan pegawai dan anggota daripada Ibu Pejabat Daerah Polis Tutong, Balai Polis Tutong, Balai Polis Lamunin Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) serta Biro Kawalan Narkotik (BKN) yang diketuai oleh Pegawai Siasatan Jenayah Daerah Polis Tutong, Penolong Penguasa Polis (ASP), Pengiran Haji Mohamad Syahmi Azra bin Pengiran Haji Rajid.

Peluang untuk mendermakan darah

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Oktober. - Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah sebagaimana yang telah dijadualkan di beberapa lokasi tertentu.

Kempen-kempen Derma Darah tersebut adalah seperti berikut iaitu di Banquet Hall, Ibu Pejabat Progresif, Kampung Kiarong, Jalan Pasar Baharu, Gadong pada Isnin, 24 Oktober 2022 bermula pada jam 10.00 pagi hingga jam 2.00 petang dan dianjurkan oleh Progresif Sdn. Bhd.

Kemudian, pada Selasa, 25 Oktober 2022, Kempen Derma Darah akan diadakan di Tingkat 1, Kompleks Annajat, Beribi bermula pada jam 10.00 pagi hingga jam 2.00 petang dan pada Rabu, 26 Oktober 2022, Kempen Derma Darah seterusnya diadakan di Aras Bawah, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri bermula pada jam 8.30 pagi hingga jam 11.00 pagi yang dianjurkan oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.

Seterusnya, pada Sabtu, 29 Oktober 2022, Kempen Derma Darah diadakan di Cawangan Pos Bunut, Jalan Haji Halus bermula pada jam 9.00 pagi hingga jam 11.00 pagi dan diteruskan lagi pada jam 1.30 petang hingga 3.30 petang di mana kempen ni dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos.

Akhir sekali, Kempen Derma Darah juga turut diadakan pada Ahad, 30 Oktober 2022 di SCR Xpress Citis Square, Berakas bermula pada jam 9.00 pagi hingga jam 1.00 petang.

Sehubungan itu, tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 2242424 sambungan 5745 / 6001 / 6002 atau WhatsApp menerusi talian +673 8775745 / +673 7375745 atau e-mel kepada bloodbank@moh.gov.bn dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook @bloodbank.rpas.

TARIKH & MASA	TEMPAT
Isnin, 24 Oktober 2022 10.00 pagi hingga 2.00 petang	Banquet Hall, Ibu Pejabat Progresif, Kg Kiarong, Jalan Pasar Baharu Gadong Anjuran Progresif
Selasa, 25 Oktober 2022 10.00 pagi hingga 2.00 petang	Tingkat 1, Kompleks Annajat, Beribi
Rabu, 26 Oktober 2022 8.30 pagi hingga 11.00 pagi	Aras Bawah, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri Anjuran Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan
Sabtu, 29 Oktober 2022 9.00 pagi hingga 11.00 pagi 1.30 petang hingga 3.30 petang	Cawangan Pos Bunut, Jalan Haji Halus Anjuran Jabatan Perkhidmatan Pos
Ahad, 30 Oktober 2022 9.00 pagi hingga 1.00 petang	SCR Xpress Citis Square, Berakas

COVID-19 : VARIAN OMICRON XBB DIKESAN DI INDONESIA

JAKARTA, 23 Okt. - Indonesia melaporkan kes jangkitan tempatan pertama varian Omicron XBB melibatkan seorang wanita berusia 29 tahun yang tinggal di Surabaya, Jawa Timur.

Menurut Kementerian Kesihatan wanita itu dan baru pulang dari Lombok, Nusa Tenggara Barat.

Jurucakap kementerian itu Dr Mohammad Syahril berkata wanita itu disahkan positif pada 26 Sept

dan mempunyai gejala termasuk batuk, demam dan hidung berair.

Wanita itu dibenarkan keluar dari pengasingan COVID-19 pada 3 Okt dan ujian terhadap 10 kontak rapat wanita itu semuanya negatif, katanya dalam satu kenyataan.

Dr Mohammad Syahril berkata

kementerian akan meningkatkan pengawasan di pintu masuk dan menggesa orang ramai untuk lebih berwaspada serta mematuhi protokol kesihatan.

Data pasukan petugas COVID-19 Indonesia menunjukkan 2,087 kes direkodkan pada Sabtu



manakala jumlah kes keseluruhan sebanyak 6.47 juta. - ©BERNAMA

Dua petugas hospital maut dalam kejadian tembakau di Texas

WASHINGTON, 23 Okt. - Seorang lelaki bersenjata menembak mati dua petugas Pusat Perubatan Methodist Dallas dalam satu kejadian di Texas, lapor Sputnik.

Menurut NBC News yang memetik pegawai hospital,

kejadian berlaku kira-kira 11 pagi waktu tempatan pada Sabtu (16:00 GMT).

Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan Pengukuasaan Undang-undang Texas (CLEAT) Charley Wilkison

berkata di media sosial suspek menembak mati dua jururawat wad bersalin.

"Insiden Kritis @CLEAT ke-111, OIS (tembakan melibatkan pegawai) Hospital Dallas Methodist. Suspek menembak dua

jururawat wad bersalin," kata Wilkison.

Seorang pegawai polis hospital itu berjaya menembak suspek.

"Suspek telah ditahan, berada dalam keadaan stabil dan dibawa

ke hospital tempatan yang lain," lapor NBC memetik pegawai hospital Methodist pada Sabtu.

Motif kejadian belum dapat dipastikan. - ©BERNAMA

India lancar roket paling berat 'Launch Vehicle Mark 3'

NEW DELHI, 23 Okt. - Pertubuhan Penyelidikan Angkasa Lepas India (ISRO) melancarkan roket paling beratnya dikenali Launch Vehicle Mark 3 (LVM3 atau GSLV Mark 3) dan berjaya menempatkan 36 satelit ke orbit.

"Misi LVM3 M2/OneWeb India-1 berjaya diselesaikan. Kesemua 36 satelit telah diletakkan ke orbit yang

ditetapkan," menurut ISRO pada Ahad lapor Agensi Anadolu. Pelancaran dijalankan dari Pusat Angkasa Satish Dhawan, Sriharikota di Andhra Pradesh pada 12.07 pagi waktu tempatan.

Misi itu dijalankan di bawah pengaturan komersial antara firma kerajaan, New Space India Limited

dan syarikat satelit yang berpangkalan di United Kingdom, OneWeb.

Launch Vehicle Mark 3 ialah roket India pertama dengan muatan enam tan, misi komersial pertama LVM3 dan misi berbilang satelit pertama dengan 36 satelit OneWeb. - ©BERNAMA

Indonesia di kedudukan teratas dunia sebagai negara 'Most Generous'

JAKARTA, 22 Okt. - Charities Aid Foundation (CAF), sebuah badan amal berdaftar Britain meletakkan Indonesia di kedudukan teratas sebagai negara pemurah (generous) buat tahun kelima berturut-turut.

Kenya menduduki tempat kedua dalam laporan tahunan World Giving Index 2022 yang dilancarkan baru-baru ini diikuti Amerika Syarikat (AS), Australia dan New Zealand.

Menurut CAF, Indonesia mengekalkan kedudukan itu dengan indeks 68 peratus iaitu

lapan daripada 10 orang menderma dalam bentuk kewangan manakala enam daripada 10 menyumbang sebagai sukarela.

Disusuli Kenya dengan skor 61 peratus iaitu sebanyak 77 peratus rakyatnya membantu seseorang yang mereka tidak kenali berbanding purata global 62 peratus.

Laporan itu menyatakan agama serta populasi yang besar di Indonesia dan Kenya menjadi pemacu utama peningkatan tahap penyertaan

serta pemberian sejak lima tahun lalu.

"Keputusan ini juga didorong oleh tradisi budaya masyarakat seperti gotong-royong di Indonesia dan harambee di Kenya yang menyatakan orang ramai pada masa mendesak termasuk ketika pandemik COVID-19," menurut CAF.

World Giving Index 2022 menggunakan data yang dikumpul dari 119 negara oleh kumpulan penyelidik pasaran Gallup. - ©BERNAMA

serta pemberian sejak lima tahun lalu.

"Keputusan ini juga didorong oleh tradisi budaya masyarakat seperti gotong-royong di Indonesia dan harambee di Kenya yang menyatakan orang ramai pada masa mendesak termasuk ketika pandemik COVID-19," menurut CAF.

World Giving Index 2022 menggunakan data yang dikumpul dari 119 negara oleh kumpulan penyelidik pasaran Gallup. - ©BERNAMA

Pakistan sambut baik dikeluarkan daripada senarai 'Grey List'

NEW DELHI, 22 Okt. - Pakistan menyambut baik langkah Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF), sebuah badan pemerhati pengubahan wang haram global yang berpangkalan di Paris mengeluarkan negara ini daripada 'Grey List' (senarai kelabu).

Menurut FATF Pakistan telah mengukuhkan keberkesanan mekanismenya terhadap menangani pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Pakistan berjaya memenuhi komitmen dengan mengatasi kekurangan teknikal untuk pelan tindakan yang dikenal pasti FATF kena pasti pada Jun 2018 dan Jun

2021, secara keseluruhan ia merangkumi 34 item tindakan.

"Oleh itu, Pakistan tidak lagi tertakluk kepada peningkatan proses pemantauan FATF," menurut FATF dalam satu kenyataan pada Jumaat. Pakistan dimasukkan ke dalam senarai itu pada 2018.

Perdana Menteri Shehzad Sharif berkata dengan Pakistan tidak lagi berada dalam senarai itu ia menjadi bukti kepada usaha gigih dan berterusan yang telah dilakukan selama ini.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kepimpinan awam dan ketenteraan kami serta semua institusi atas kerja keras mereka

sehingga membawa kepada kejayaan hari ini," katanya.

Berada dalam senarai itu bermakna pelabur berhati-hati terhadap Pakistan. Sebelum ini, pemimpin Pakistan menyelar proses teknikal FATF telah dipolitikkan.

Negara yang tersenarai dianggap mempunyai kekurangan strategik yang ketara untuk memerangi pengubahan wang haram, pembiayaan penganas dan pembiayaan percambahan.

FATF mempunyai 39 ahli termasuk 37 negara dan dua blok serantau iaitu Majlis Kerjasama Teluk dan Suruhanjaya Eropah. - ©BERNAMA

WASHINGTON, 22 Okt. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden berkata masih ada masa untuk memutuskan sama ada akan bertanding bagi penggal kedua pada 2024 atau sebaliknya, lapor Sputnik.

"Saya belum membuat keputusan rasmi tetapi mempunyai hasrat untuk bertanding semula dan masih ada masa untuk membuat keputusan," kata Biden dalam wawancara yang disiarkan MSNBC pada Jumaat.

Biden yang bakal mencecah usia 80 tahun bulan depan berkata isterinya turut menyokong hasratnya untuk bertanding.

NBC pada bulan lalu melaporkan Biden dikatakan sudah pun menyusun strategi untuk menjalankan kempen pemilihan semulanya yang dipercayai bakal mencontohi kempen Bill Clinton pada 1996 sebagai usahanya bagi memenangi pemilihan 2024.

Dua presiden dari Demokrat, Clinton dan Barack Obama, kedua-duanya berjaya dipilih semula untuk penggal kedua. Tiada presiden dari Demokrat gagal mempertahankan jawatan untuk penggal kedua, selama lebih 40 tahun sejak Presiden Jimmy Carter pada 1980. - ©BERNAMA

Biden beri bayangan mungkin bertanding lagi pada 2024

PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ihsan Pegawai Angkatan Bersenjata Bersara



PARA Pegawai Angkatan Bersenjata Bersara juga tidak ketinggalan turut serta dalam Riadah Berbasikal Keputeraan 2022, diketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

XBPS, XSOAS erat persahabatan melalui sukan boling



PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku wakil peribadi Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafileh Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Oktober. - Ahli Jawatankuasa Fun & Friendly Ten Pin Bowling XBPS dan XSOAS mengadakan Pertandingan Fun & Friendly Ten Pin Bowling bagi XBPS dan XSOAS Kali Ke-5 bagi Tahun 2022, yang berlangsung di Utama Bowling Centre, Batu Satu, di sini.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para

pemenang, Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku wakil peribadi Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Pertandingan berkenaan adalah sebagai platform bagi mengumpulkan semula bekas para penuntut BPS dan SOAS, dari tahun 1980 hingga tahun 1985, selain untuk mengeratkan lagi persahabatan yang sudah lama

terjalin dalam kalangan mereka dari bangku sekolah hingga ke hari ini melalui sukan Boling.

Kumpulan Kelab Sukan Boling bagi XBPS dan XSOAS mula ditubuhkan pada awal tahun 2019 dan sebelumnya berjaya menganjurkan Fun & Friendly Ten Pin Bowling, pada 21 April 2019 buat julung-julung kalinya.

ZAHIRKAN RASA KECINTAAN TERHADAP RAJA

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Oktober. - Dalam sama-sama memeriahkan lagi Riadah Berbasikal Keputeraan 2022, Pegawai Angkatan Bersenjata Bersara juga tidak ketinggalan turut serta dalam acara tersebut.

Seramai 12 orang, diketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong menyertai riadah tersebut.

Riadah bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Dengan menyertai riadah tersebut, bukan sahaja mengeratkan hubungan di antara raja dan rakyat, bahkan menzahirkan rasa kecintaan terhadap raja yang sangat dikasihi serta disanjungi.

Riadah tersebut adalah bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76, Tahun 2022.

Teruja beriadah bersama raja dikasihi

Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Oktober. - Riadah Berbasikal Keputeraan 2022 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76, Tahun 2022 lebih meriah dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama kerabat diraja yang lain.

Semasa ditemui, Pengiran Mohd. Herman bin Pengiran Duraman selaku salah seorang Marshal menambah, ini menunjukkan keperihatinan dan kepentingan terhadap belia untuk negara yang juga memperlihatkan penglibatan mereka dalam beberapa aktiviti.

"Keberangkatan baginda juga adalah sebagai satu penghargaan kepada para pemimpin sukan berbasikal kerana berpeluang berbasikal bersama raja yang dikasihi," tambahnya.

Bagi Awang Haji Abu Bakar bin Haji Abdullah melahirkan rasa syukur kerana beliau bersama pasukannya, Oil Town Cycling dan Immature Cycling Team telah terpilih sebagai Marshal bagi Riadah Berbasikal Keputeraan kali ini.

Menurutnya, riadah seperti ini amat bagus untuk kesihatan dan tenaga serta diharap agar

penunggang basikal menjaga keselamatan dan mengikut peraturan di jalan raya.

"Selain itu, orang ramai yang menyertai acara seumpamanya dapat menunjukkan rasa kasih kepada raja serta sayang kepada negara, terutama sekali para belia.

"Namun riadah tersebut, bukan hanya tertumpu kepada belia, ia juga kepada ahli-ahli keluarga dan masyarakat yang ada di negara ini untuk menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh belia-belia di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien," tambahnya.

Sementara itu, Ataci di Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, Tran Nguyen Thanh, mewakili pihak kedua-dua melahirkan rasa berbesar hati dan gembira kerana berpeluang berbasikal bersama raja Brunei yang disanjungi rakyat.

"Ini merupakan pengalaman berbasikal pertama kami kerana sebelum ini kami memang belum pernah menyertai mana-mana aktiviti di luar sejak wabak COVID-19."

"Tetapi pada hari ini, kami berada di taman ini bagi sama-sama beriadah, selain dapat melihat kerabat diraja dengan lebih dekat lagi," ujarnya dengan gembira.

Katanya, aktiviti seperti itu adalah sangat bagus kerana mampu mencerminkan bagaimana pendekatan keseluruhan negara yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat, termasuk pihak bukan kerajaan atau NGOs menampakkan diversiti dan inovasi untuk menganjurkan aktiviti di taman.



ATACI di Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, Tran Nguyen Thanh (kiri) serta para Marshal Riadah Berbasikal Keputeraan 2022, Pengiran Mohd. Herman bin Pengiran Duraman dan Awang Haji Abu Bakar bin Haji Abdullah semasa ditemu bual (dua kanan dan kanan).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

REZEKI ADALAH ANTARA PERKARA YANG MENJADI RAHSIA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA